



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Menjatuhkan Hukuman ke atas Y.B. Ahli dari Sandakan, Tuan Fung Ket Wing
[Ruangan 4161]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 4164]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 4165]

Kebenaran Cuti kepada:

Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad

Y.B.M. Tengku Tan Seri Razaleigh Hamzah

Y.B. Tuan Alias bin Md Ali

Y.B. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj

Y.B. Tuan Quah Wee Liam

} [Ruangan 4166]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4167]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4209]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif [Ruangan 4210]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J.(Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA

**MENJATUHKAN HUKUMAN
KE ATAS YANG BERHORMAT
AHLI DARI SANDAKAN,
TUAN FUNG KET WING**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan, saya meminta Yang Berhormat menerima hukuman seperti yang telah disebutkan dalam perenggan 14. Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat. Yang Berhormat diminta berdiri di hadapan meja Bentara Mesyuarat sekarang.

(*Yang Berhormat Ahli dari Sandakan, Tuan Fung Ket Wing berdiri di hadapan meja Bentara Mesyuarat*).

Bentara Mesyuarat, sila berdiri di belakang Yang Berhormat Ahli dari Sandakan.

Yang Berhormat dari Sandakan, mengikut Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, DR. 2 Tahun 1984 yang telah dibentangkan di Dewan ini pada bulan Julai yang lalu. Yang Berhormat didapati bersalah kerana membuat ucapan palsu di Dewan ini pada 31hb Oktober, 1983.

Pada 25hb Julai, 1984 Dewan ini telah meluluskan satu usul, dengan pindaan, menerima Laporan

Jawatankuasa itu, dengan pindaan bahawa Yang Berhormat hendaklah dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang masa sidang Belanjawan tahun ini. Dengan lain-lain perkataan, Yang Berhormat digantung daripada menghadiri sidang Mesyuarat Belanjawan mulai 8hb Oktober, 1984 hingga akhir persidangan pada 30hb November, 1984.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan dan atas nama Dewan serta mengikut tugas yang diberikan oleh Dewan kepada saya, maka inilah saya menghukumkan Yang Berhormat dengan dikenakan penggantungan daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang masa sidang Belanjawan tahun ini kerana ucapan Yang Berhormat pada 31hb Oktober, 1983 secara melulu dan tidak bertanggungjawab menuduh Yang Berhormat Ahli dari Ulu Padas memiliki kira-kira 70% tanah di Pulau Labuan.

Sekarang Yang Berhormat diminta beredar keluar daripada Dewan ini sehingga tamat sidang Belanjawan tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta satu ruling oleh kerana ada sedikit kekeliruan di sini?

Tuan Yang di-Pertua: Atas Standing Order apa?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai implikasi

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Daripada saman yang ada dikeluarkan sama ada digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini. Sidang Belanjawan tidak bermula sehingga 19hb Oktober dan hari ini bukan satu persidangan Dewan Rakyat. Mengikut Standing Order, definition persidangan "sitting" ialah mesyuarat harian dan kalau digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini ialah dan saya minta satu ruling, bahawa sepatutnya bermula dari 19hb Oktober bila sidang Belanjawan bermula dan tamat selepas 27 hari perbahasan diadakan, dan bahawa masa sekarang 8hb Oktober sampai 19hb Oktober bukanlah sidang Belanjawan dan bukan satu tempoh di mana Dewan yang mulia ini ada buat satu keputusan untuk gantung Yang Berhormat dari Sandakan dan tempoh akhir atau minggu akhir selepas perbahasan Budget pun bukan satu tempoh yang diertikan dalam ketetapan Dewan yang mulia ini.

Saya haraplah satu ruling boleh dibuat supaya boleh dibetulkan oleh kerana sangat terang dalam kata-kata di sini "digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat (sitting of Dewan Rakyat), sepanjang sidang Belanjawan" dan sidang Belanjawan tidak bermula sehingga 19hb Oktober. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita ketahui iaitu persidangan pada kali ini yang bermula daripada hari ini iaitu dalam bulan Oktober ini lazimnya dikenali sebagai Budget Session. Oleh yang demikian, pada fikiran saya, tidak menjadi kasilapan jikalau sekiranya kita mengambil keputusan dan ruling saya iaitu Budget Session itu dimulakan daripada 8hb Oktober

iaitu pada hari permulaan sehingga penghabisan. Jadi ruling saya ialah daripada hari ini (*Tepuk*).

(Yang Berhormat Ahli dari Sandakan, Tuan Fung Ket Wing meninggalkan Dewan diiringi oleh Bentara Mesyuarat).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kami mahu walk-out sebagai satu lagi protest!

(Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP keluar meninggalkan Dewan).

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984;
2. Akta Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan) 1984;
3. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1984;
4. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984;
5. Akta Dius Api Persekutuan (Pindaan) 1984;
6. Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984;
7. Akta Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984;
8. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984;
9. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1984;

10. Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984; dan
11. Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: *(Kepada Ahli-ahli DAP)* Sudah keluar, masuk balik.

Tuan Lim Kit Siang: Ada soalan, mahu tanya. *(Ketawa)* *(Disampuk)*.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

“3hb Ogos, 1984

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
2. Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan);

5. Rang Undang-undang Dius Api Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan;
7. Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan); dan
11. Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak.

Yang Ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

Cuti: Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
Y.B.M. Tan Sri Razaleigh Hamzah.
Y.B. Tuan Alias bin Md. Ali.
Y.B. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj.
Y.B. Tuan Quah Wee Liam—Kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah

membenarkan cuti di bawah Perकरa 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dari 16hb Julai, 1984 hingga 27hb Julai, 1984;
2. Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dari 16hb Julai, 1984 hingga 27hb Julai, 1984;
3. Y.B. Tuan Alias bin Md. Ali dari 8hb Oktober, 1984 hingga 30hb November, 1984;
4. Y.B. Tan Sri Dato' Ahmad Shahabuddin Al-Haj dari 8hb Oktober, 1984 hingga 30hb November, 1984; dan
5. Y.B. Tuan Quah Wee Liam dari 8hb Oktober, 1984 hingga 30hb November, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA

2. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah Kerajaan meletakkan pertumbuhan ekonomi kepada sektor swasta bagi merancang, merangka dan memandunya memandangkan difisit yang bertambah yang sedang dihadapi oleh negara ini dan adakah langkah ini disambut baik oleh sektor swasta.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita mengamalkan falsafah free enterprise ataupun pengusahaan secara bebas. Oleh itu, Kerajaan tidaklah meletakkan kepada sesuatu pihak tanggungjawab bagi menentukan pertumbuhan ekonomi walaupun Kerajaan mempunyai pengaruh yang besar dalam perkara ini.

Pertumbuhan ekonomi adalah bergantung kepada usaha-usaha semua pihak dalam negara sama ada dari pihak pembuat ataupun pengilang, nelayan, pekebun-pekebun, peladang-peladang dan sebagainya. Kerajaan hanya menentukan dasar-dasar bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi seperti menyediakan galakan-galakan cukai dan kemudahan-kemudahan untuk pengusaha-pengusaha menambah atau mengadakan perusahaan-perusahaan bar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kerajaan juga mempunyai beberapa agensi tertentu untuk menggerakkan pembangunan. Agensi-agensinya ini menjalankan aktiviti mereka bukan bertujuan untuk bersaing dengan pihak swasta tetapi bagi tujuan menambah kegiatan-kegiatan terutama sekali dalam bidang yang tidak boleh dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha swasta.

Mana-mana agensi atau syarikat-syarikat Kerajaan yang boleh dijalankan oleh pihak swasta dengan tidak menjejaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru akan diswastakan. Kerajaan sentiasa bersedia membantu pihak swasta dalam usaha-usaha mereka untuk mengembang dan mendirikan perusahaan-perusahaan baru terutama sekali perusahaan-perusahaan yang berorientasi eksport. Dengan perkongsian dari pihak swasta dan pihak awam dalam pembangunan adalah diharapkan penglibatan pihak

swasta akan dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana difisit suatu masalah yang utama ekonomi negara kita menghadapi dan satu sebab ialah oleh kerana bayaran-bayaran ibu bapa untuk pelajaran tinggi anak-anak mereka di luar negeri, adakah Kerajaan rela untuk menerima konsep bahawa untuk mengurangkan difisit dan untuk membolehkan pihak swasta membantu dalam perkara ini untuk menswastakan bidang pelajaran peringkat universiti supaya boleh ditubuhkan lebih banyak universiti-universiti swasta dan juga untuk membantu mengurangkan difisit yang terbesar di negara ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengajian tinggi seperti kita sedar Kerajaan sentiasa menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi, yang terakhir sekali Universiti Utara. Tetapi dari segi detailnya saya harapkan Yang Berhormat dari Kota Melaka berunding dengan pihak Kementerian Pelajaran kerana ini lebih melibatkan Kementerian berkenaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah penswastaan dapat menjayakan pertumbuhan ekonomi dari segi sektor swasta dan bagaimanakah tafsiran dibuat terhadap kejayaannya.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam bidang ekonomi, pada kebiasaannya, adalah ditafsirkan apabila sesuatu organisasi atau syarikat berkenaan mendapat faedah, mendapat keuntungan yakni pendapatannya lebih dari perbelanjaan.

Apa yang kita harapkan melalui penswastaan supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang biasanya

ditanggung oleh Kerajaan terutama sekali dari segi perbelanjaan-perbelanjaan yang menyediakan perkhidmatan yang tinggi, dapat dibeban dan dikelolakan oleh pihak swasta, dan juga kita harap sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan ini dibiayai oleh pihak swasta, selain daripada mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, perkhidmatan yang diberi akan lebih kemas lagi. Bagi pihak swasta untuk memastikan perkhidmatan itu diguna oleh orang ramai maka sudah tentulah perkhidmatan itu dikemaskan dan kita percaya dengan adanya perkhidmatan yang kemas, dengan adanya pentadbiran yang baik, dengan bertambahnya pendapatan daripada bayaran-bayaran yang dikenakan melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi pihak swasta yang terlibat dalam bidang berkenaan akan mendapat keuntungan.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA—JUMLAH PERLUCUTAN

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah bilangan rakyat Malaysia yang mana kewarganegaraan mereka telah dibatal sejak merdeka hingga akhir Ogos, 1984 dengan memberi pecahan angka dan bentuk kesalahan;

(b) berapa ramai yang telah merayu di atas pembatalan dan adakah Kerajaan memberi layanan yang adil kepada rayuan mereka. Berapa banyak rayuan yang telah diluluskan dan berapa banyak yang masih dalam proses; dan

(c) oleh kerana pembatalan kewarganegaraan seseorang rakyat adalah satu perkara yang serius, apakah langkah yang akan diambil untuk

mempastikan tidak ada salahguna kuasa oleh pihak Kerajaan. Bagi mereka yang melawat ke negeri China bukan dengan maksud jahat dan sekadar melancung dan meninjau suasana di sana saja, adakah Kerajaan akan bersikap liberal dan hanya memberi amaran saja dan tidak mengambil tindakan menarik balik kewarganegaraan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah warganegara yang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak hari merdeka hingga 31hb Ogos, 1984 mengikut perkara-perkara dalam Perlembagaan Malaysia ialah seperti berikut:

Pertara 24 (1)	1,257 orang
.. 24 (2)	476 ..
.. 25 (1) (a)	10 ..
.. 25 (1) (b)	1 ..
.. 25 (1) (c)	76 ..
.. 25 (2)	22 ..
.. 26A	130 ..
.. 26 (1) (a)	14,933 ..
.. 26 (1) (b)	193 ..
		<hr/>
Jumlah	17,098 orang

Perlembagaan Malaysia tidak memperuntukkan rayuan dibuat ke atas perintah perlucutan taraf warganegara Malaysia yang diambil terhadap mana-mana rakyat negara ini. Oleh yang demikian Kementerian Dalam Negeri tidak dapat melayan rayuan yang dibuat oleh mana-mana pihak terhadap tindakan perlucutan taraf warganegara diambil di bawah perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia. Setiap perlucutan taraf warganegara Malaysia adalah dibuat mengikut kehendak perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian, kesalahan gunakuasa oleh mana-mana pihak yang terlibat dengan perlucutan taraf warganegara tidak timbul.

Kerajaan tetap akan bersikap tegas terhadap mana-mana warganegara Malaysia yang melawat Republik Rakyat China tanpa mendapat cop khas dari Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu. Setiap kesalahan akan disiasat dengan teliti untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil ke atas mereka yang terlibat termasuk melucutkan taraf warganegara Malaysia mengikut Perlembagaan Malaysia. Kerajaan tidak bersikap liberal dalam perkara ini oleh kerana kesalahan ini merupakan yang serius.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan akan mengambil sikap yang tegas terhadap sesiapa yang melakukan kesalahan ataupun menyebabkan keadaan di mana kewarganegaraannya dapat dilucutkan dan ini adalah termasuk warganegara Malaysia yang pernah membuat lawatan ke negeri China tanpa mendapat kebenaran. Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkan beliau memberitahu angka tentang warganegara Malaysia yang pernah membuat lawatan ke negeri Republik Rakyat China bagi tujuan untuk melancung yang mereka tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu. Di samping ini suka saya bertanya sama ada Kerajaan sanggup menimbang semula tentang tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang pernah melancung ke negeri Republik Rakyat China tanpa mendapat kebenaran.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tentang angka mereka yang melawat negeri China di mana tindakan melucutkan kewarganegaraan mereka diambil saya mohon mendapat notis untuk memberi jawapan itu. Tentang jawapan yang kedua, seperti mana kita sedia maklum, tidak ada

peraturan dalam Perlembagaan yang membolehkan Kerajaan membatalkan perintah perlucutan setelah perintah tersebut dikeluarkan. Oleh yang demikian, saya tidak dapatlah menjawab soalan kedua Yang Berhormat kedua itu.

Tuan Karpal Singh: Tuan yang di-Pertua, bolehkah saya dapat butir-butir bantahan di mana negara ini melarang orang-orang yang akan melawat negara-negara komunis?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan itu.

Tuan Karpal Singh: Tidak faham? Bolehkah saya tahu bantahan, oleh kerana apa fasal ada bantahan ini atas orang yang bercadang untuk melawat negara-negara komunis? Perdana Menteri pun ada pergi ke negara China dan ada pergi melawat negara-negara komunis lain. Oleh kerana itu tidaklah adil jikalau warganegara dalam negara ini yang akan pergi ke negara-negara komunis tidak ada bantahan-bantahan seperti yang ada sekarang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang ada warganegara yang dibenarkan melawat negara-negara komunis seperti negara Republik Rakyat China tetapi mereka perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Dalam Negeri.

KESELAMATAN DI LOMBONG- LOMBONG PERATURAN

4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang diambil supaya tragedi kapal korek sepertimana yang berlaku di Puchong tidak akan berlaku di mana-mana tempat lain di negara kita.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob) Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada peraturan-peraturan keselamatan di lombong-lombong yang dikeluarkan oleh Jabatan Galian di bawah Kementerian Perusahaan Utama kepada semua pengusaha-pengusaha lombong termasuk lombong-lombong yang menggunakan kapal korek. Jabatan Galian juga ada menjalankan kempen keselamatan bagi menentumkan peraturan-peraturan keselamatan tersebut dipatuhi. Di samping itu, Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh juga adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kapal-kapal korek dan juga peralatan perlombongan.

Bagi menjadikan kempen ini lebih berkesan dan demi mengelakkan daripada berulangnya tragedi kapal korek sepertimana yang berlaku di Puchong baru-baru ini, Merinyu-merinyu Galian dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Kilang dan Jentera akan membuat pemeriksaan ke kapal-kapal korek dengan lebih kerap lagi bagi menentukan peraturan-peraturan keselamatan dipatuhi dan menentukan keadaan kapal korek itu sentiasa berada di dalam keadaan baik dan selamat. Adalah saya difahamkan bahawa Jabatan Kilang dan Jentera juga sedang berusaha mengadakan program yang terperinci dalam menjalankan pemeriksaan ke atas kapal-kapal sebagai tambahan kepada pemeriksaan ulangan yang biasa dijalankan pada setiap lima belas bulan sekali. Jabatan tersebut juga akan memberikan arahan kepada semua pengusaha-pengusaha lombong berhubung dengan langkah-langkah keselamatan dan pemeriksaan-pemeriksaan ke atas kapal korek dan jentera perlombongan secara lebih terperinci lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkannya berulang tragedi kapal korek yang berlaku baru-baru ini dan apa-apa juga kemalangan di lombong-lombong memerlukan tindakan bukan sahaja dari agensi-agensi kerajaan tetapi kerjasama yang rapat dari semua pihak yang terlibat iaitu tuan punya lombong dan juga para pekerja lombong sendiri, demi mewujudkan suatu suasana dan persekitaran pekerjaan yang selamat.

Dengan adanya pelaksanaan tanggungjawab masing-masing, Insya Allah kemalangan lombong seperti yang berlaku baru-baru ini dapatlah dielakkan. Suka saya tekankan di sini bahawa semua pihak haruslah memainkan peranan mereka dengan sepenuhnya dan bersungguh-sungguh untuk menjamin keselamatan dan mengelakkan terjadinya kemalangan di lombong-lombong.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama apakah yang berlaku di Puchong ini merupakan pihak yang berkuasa atau pihak yang berkenaan kapal korek itu tidak mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan kepada mereka menyebabkan kejadian itu boleh berlaku. Dan apakah bayaran ganti rugi yang diterima oleh keluarga pihak yang terlibat dengan yang berlaku di Puchong baru-baru ini.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini jauh terpesong.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada laporan mengenai tragedi kapal korek di Puchong itu telah siap.

Sekiranya laporan belum siap, apakah sebab yang melambatkan penyediaan laporan itu dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengumumkan laporan itu apabila telah siap demi kepentingan orang ramai.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum bahawa tragedi kapal korek di Puchong ini telah berlaku kira-kira jam 4.30 petang pada 8hb Ogos, 1984.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Musa Hitam telah mengarahkan supaya satu laporan mengenai kemalangan tersebut dikemukakan kepada Jemaah Menteri dalam masa dua bulan. Satu pasukan petugas (task force) telah ditubuhkan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Galian, Jabatan Jentera dan Kilang dan wakil pihak industri timah untuk menjalankan penyiasatan ke atas sebab musabab terjadinya kemalangan tersebut.

Laporan pasukan petugas ini, walau bagaimanapun, hanya dijangka dapat disiapkan pada awal bulan November, 1984 iaitu dua minggu lebih lewat daripada jangka masa yang diarahkan supaya disiapkan. Kelewatan ini adalah disebabkan kesukaran bagi mengeringkan lubang lombong kapal korek itu kerana muka lombong di kawasan tersebut tidak kukuh yang menyebabkan beberapa bahagian muka lombong tersebut telah runtuh semasa air lombong itu dikeringkan. Kerja-kerja mengempam air telah terpaksa diberhentikan dua minggu lalu akibat runtuh tebing lombong tersebut. Apabila pengeringan ini dapat dilakukan barulah pihak task force dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya keadaan yang sebenarnya terhadap kapal korek ini.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebentar tadi ada kawalan daripada Jabatan Galian tetapi ada perbezaannya yang mana lombong kelikir atau lombong palong ini memang ada Jabatan Galian melawati untuk menentukan keselamatan sama ada pekerja-pekerja lombong ataupun persekitaran tanah lombong itu; jika tidak, tidak dibenarkan langsung melombong jikalau bersalahan sepertimana yang dijanjikan untuk melombong itu.

Masalah di kapal-kapal korek ini tidak ada lawatan oleh Jabatan Galian kerana Jabatan Galian semenjak mengambil alih dari London Tin hingga ke MMC oleh negara kita pun mereka sendiri mengawasinya. Oleh kerana ini adalah sebuah kapal yang dipunyai oleh taukeh, saya rasa ini terbiar begitu sahaja kerana selain daripada kapal itu mempunyai dasar tanah dia boleh terletak mungkin jatuh ataupun di talian-talian yang mengikat kepada persekitaran kapal itu tidak mungkin jatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jangan membuat ucapan. Sila buat soalan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Mengapakah Jabatan Galian tidak mengawasi kapal korek-kapal korek yang disediakan oleh lain daripada kapal korek MMC ini.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa ada dua Kementerian yang bertanggungjawab, satu Kementerian Buruh dan satu lagi Kementerian Perusahaan Utama. Jikalau sekiranya Yang Berhormat dari Batang Padang dapat mengemukakan butir-butir lanjut tentang lombong-lombong yang tidak dilawati itu adalah lebih baik untuk tindakan diambil.

POLARISASI KAUM

5. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah mengenalpastikan unsur-unsur yang mengakibatkan polarisasi kaum di negara kita; dan
- (b) apakah Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatan-kuasa yang berke-wibaaan untuk mengkaji masalah ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini dan beberapa lagi soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sepanjang sidang Dewan kali ini saling kait mengait dan hasratnya sama, saya mohon izin untuk menjawab kesemuanya secara sekali gus.

Soalan-soalan lain yang relevant dengan jawapan ini datangnya dari ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, Kepong, Ayer Hitam, Kota Melaka, Kuala Lumpur Bandar, Bukit Mertajam, Bukit Bendera, Tanjung Bunga, Kinta, Seremban, Jelutong dan Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi realiti di negara kita ini bahawa masyarakat kita ialah masyarakat berbilang keturunan dan agama dengan prejudis-prejudis keturunan serta agama masing-masing. Semenjak kemerdekaan dicapai dan khususnya setelah dilancar Dasar ekonomi Baru prejudis-prejudis ini telah dapat dikurangkan dan masyarakat Malaysia masa kini lebih bangga akan bangsa dan negara mereka dibandingkan dengan keadaan dahulu.

Walau bagaimanapun, dalam masa-masa kebelakangan ini ternampak gejala-gejala dan tanda-tanda di mana keadaan tahap kejayaan kita semua ini terancam. Unsur-unsur polarisasi

kaum mula muncul dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan, pertama—mengenai unsur-unsur ini; kedua—mendedahkannya; dan ketiga—mencari jalan untuk membendungnya.

Oleh sebab itulah maka saya sendiri telah membuat kenyataan atas perkara ini dengan ketiga-tiga tujuan yang saya sebutkan itu. Kerajaan sendiri tidak melepaskan dirinya daripada tanggungjawab dan menerima hakikat bahawa masih begitu banyak lagi yang harus dilakukan dari segi pelaksanaan dasar-dasar dan strategi untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan masih berpegang teguh kepada kepercayaannya bahawa satu cara yang komprehensif dan teratur bagi menghadapi masalah polarisasi ini ialah sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dasar “serampang dua mata” ini mempunyai strategi pembangunan yang bertujuan membenteras atau membasmi soal-soal pokok iaitu kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat kita mengikut keturunan. dalam pada itu Kerajaan sendiri menghadapi sasaran-sasaran dari berbagai-bagai pihak di mana sasaran ini mengancam kejayaan kita setakat ini.

Selain dari pihak komunis yang memang kita kenal sebagai anasir-anasir yang sentiasa bertujuan mewujudkan keadaan huru-hara, anasir-anasir seperti berikut juga wujud di kalangan kita semua iaitu:

- (1) anasir-anasir ekstrimis agama;
- (2) ekstrimis perkauman;
- (3) oportunistik politik.

Dewasa ini anasir-anasir ini telah mula menjalar di kalangan muda-mudi kita khususnya mereka yang masih di bangku sekolah. Anasir-anasir ini telah dapat menguasai peringkat yang paling sensitif dan “vulnerable” iaitu

muda-mudi di mana niat jahat mereka berpotensi mencapai kejayaan, dari segi rancangan jangka panjang mereka hendak memecah belahkan masyarakat.

Selain daripada strategi jangka panjang Kerajaan yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, beberapa strategi tertentu juga sedang digubal atau sedang dilaksanakan.

Strategi-strategi itu meliputi beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Penerangan.

Di bawah naungan Penal Penasihat Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Professor K.G. Ratnam, masalah-masalah harian perkauman yang berunsur negatif dikesan, dianalisa dan diatasi atau dibendung dengan program-program khusus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi masalah ini sayugia diingatkan bahawa tidak memadai sekiranya tanggungjawab ini dipikul oleh Kerajaan semata-mata. Malahan ianya memerlukan kesedaran, sikap dan tindakan yang positif oleh segala lapisan dan golongan masyarakat. Bagi Kerajaan kami tidak akan malu dan silu mendedahkan kewujudan masalah sebegini pada bila-bila masa sahaja berasas kepada realiti perbezaan keturunan dan agama di kalangan masyarakat kita sememangnya perlu proses pendedahan sebegini dibuat supaya kesedaran di kalangan masyarakat umum kita akan mengingatkan kita sentiasa berwaspada, berjaga-jaga dan berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan apa, jua kejadian buruk yang akan menghancurkan kita semua.

Maka berasas kepada hujah-hujah yang saya sebutkan tadi Kerajaan berpendapat tidaklah perlu sebuah Jawatankuasa khas ataupun Suruhanjaya ditubuhkan untuk menghadapi masalah polarisasi ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagaimana jawapan Yang Amat Berhormat tadi ada menyebutkan bahawa polarisasi kaum ini wujud dengan adanya oportunistik-politik menggunakan ini; dan ini merupakan bahawa perkauman akan tetap wujud dan juga polarisasi kaum akan wujud dengan adanya oportunistik yang terdiri daripada parti-parti pembangkang yang tidak mahu memahami dan juga tidak memahami sesuatu perkara yang timbul dan dibesar-besarkan perkara ini.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya itu?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalnya begini, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya selagi adanya oportunistik politik yang menggunakan isu-isu perkauman yang besar-besar ini menyebabkan tidak akan wujudnya perpaduan di antara masyarakat di Malaysia ini. Jadi apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang menggunakan isu-isu hasil daripada mereka tidak faham dan juga tidak mahu memahami hakikat sebenar di antara masyarakat-masyarakat kita.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tindakannya boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian yang tertentu.

Yang pertama ialah tindakan politik, iaitu bagi parti-parti komponen dalam Barisan Nasional memberi fahaman kepada rakyat

jelata, bukan kepada mereka kerana mereka memang tidak mahu faham oleh sebab-sebab tertentu.

Yang kedua ialah mengambil tindakan undang-undang di mana tindakan ini tepat dan kena pada masanya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri setuju bahawa masalah polarisasi kaum sekarang lebih serius apabila dibanding dengan sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, oleh kerana sekarang Yang Amat Berhormat sendiripun mengakui bahawa di kalangan muda-mudi yang masih di bangku sekolah mereka ada, dengan izin, racial sentiments, dan di masa sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak timbul masalah ini, sungguhpun ada masalah polarisasi. Bukanlah ini menunjukkan sangat mustahak sebuah agensi high-powered dengan kuasa untuk bukan sahaja kenalpasti, tetapi mencari satu jalan untuk mengatasi masalah polarisasi kaum untuk kepentingan negara. Dan adakah Yang amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa antara faktor-faktor yang mengakibatkan masalah polarisasi kaum lebih serius, dan sekarang timbul pula polarisasi agama bahawa ada perkembangan-perkembangan yang tidak menghormati, sensitiviti-sensitiviti semua kaum, semua budaya di negara ini seperti apa yang berlaku tidak lama dahulu Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada bandingkan kaum India sebagai ular. Jadi apakah tindakan sudah diambil terhadap tindakan-tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab semacam ini?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh yang Berhormat itu panjang sangat sehingga barangkali hendak mengelirukan, tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa kalau kita

lihat sejarah, perhubungan kaum di negara kita ini, keadaan sebelum kita mencapai kemerdekaan ialah bahawa polarisasi wujud dengan begitu jelas iaitu Melayu dengan Melayunya, Cina dengan Cinanya, India dengan Indianya dan sebagainya.

Selepas kita mencapai kemerdekaan, kita telah mula mewujudkan kepercayaan dan keyakinan rakyat jelata keseluruhannya ke atas negara kita yang merdeka. Tetapi disebabkan sistem politik parliamentary democracy yang terbuka, parti-parti pembangkang yang tertentu telah mengambil kesempatan ini dan mereka semakin lama, semakin memburukkan keadaan kejayaan yang telah kita capai sejak kita mula merdeka. Hasilnya ialah terjadilah dalam sejarah kita satu titik yang agak gelap pada tahun 1969. Hasil daripada itulah pula kita telah menggubal apa yang dikenal sebagai Dasar Ekonomi Baru. dan saya telah menyatakan dalam kenyataan saya tadi, setelah digubal Dasar Ekonomi Baru dan dilaksanakan, keadaan menjadi lebih baik, tetapi malangnya sebagaimana biasa oportunist-oportunist politik, termasuklah orang-orang yang kita tahu, telah sekali lagi mula bergerak. Bila saya katakan oportunist-oportunist politik bukan sahaja itu, tetapi ianya termasuklah extremist agama dan extremist perkauman juga. Oleh sebab keadaan ini, polarisasi maka kita nampak unsur-unsur tidak baik telah muncul dan kerana itu memang menjadi tanggungjawab kita di sini dalam Kerajaan untuk mendedahkan perkara ini dengan cara terbuka supaya kesedaran ini wujud.

Keadaan polarisasi tidak boleh dikatakan serius, apa yang menyebabkan soal ini dibangkitkan ialah oleh sebab Kerajaan sendiri mendedahkannya untuk mengelak, mencari jalan bersama. Seperti saya

katakan tadi tanggungjawab kita ini ialah tanggungjawab kita bersama meliputi golongan dan lapisan masyarakat.

Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dalam kenyataannya memberitahu bahawa sebab-sebab timbulnya polarisasi kaum dalam Malaysia sekarang ini kerana wujudnya beberapa anasir, di antaranya anasir (extremist) agama atau pelampau agama.

Saya ingin mendapat penjelasan kenapakah timbul anasir (extremist) agama ini di Malaysia? Dan apakah ini juga sebagai satu bukti kerana terlalu perlahan sangat pihak Kerajaan dalam melaksanakan perundangan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh kebanyakan penduduk Malaysia sekarang?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab timbulnya anasir-anasir (extremist) agama di dalam negara ini ialah semata-mata disebabkan bahawa golongan-golongan yang tertentu menyalah tafsirkan agama suci Islam kita dengan memberi pendapat dan pandangan supaya pentadbiran dan hubungan masyarakat di negara kita ini harus mengikut apa yang dikatakan oleh mereka mengikut ajaran agama, walhal kalau mengikut ajaran Agama Islam kita yang suci yang sebenar, kita tidak seharusnya berbuat demikian dan cara yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sekaranglah merupakan cara yang sebenar dari segi tafsiran dan kepercayaan kita.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan di sini bahawa sama ada wujudnya anasir-anasir (extremist) ini disebabkan kita tidak berbuat sesuatu dari segi kepentingan agama, saya

fikir ini tidaklah benar. Extremist-extremist agama ini juga boleh dimasukkan ke dalam golongan oportunist politik di mana isu-isu yang berunsur agama itu disambar oleh mereka dan digunakan sebagai isu politik serta dihebahkan di mana penghebahan isu-isu yang berasaskan agama ini memisahkan orang-orang beragama Islam, dengan yang bukan Agama Islam. Mereka kemudian membuat dakwaan-dakwaan bahawa percampuran orang-orang Islam dengan bukan beragama Islam di dalam negara kita menjejaskan hubungan antara berbilang kaum di dalam negara kita ini melupakan unsur-unsur yang negatif.

LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASATAN BMF

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah laporan terakhir Jawatankuasa Penyiasatan BMF dijangka siap dan serta ada kedua-dua laporan sementara dan terakhir Jawatankuasa Penyiasat BMF itu akan diumumkan kepada orang ramai serta dibentangkan dalam Parlimen untuk perbahasan.

10-10-84.

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengumumkan kepada ramai laporan sementara Jawatankuasa 3 orang yang ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance serta membentangkan laporan tersebut dalam Parlimen untuk dibahaskan dengan sepenuhnya supaya dapat mencegah daripada berlakunya fiasco kewangan seumpama ini pada masa akan datang.

15-10-84.

18. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Sama ada Kerajaan telah menerima dan mengkaji Laporan sementara yang dibentangkan oleh Jawatankuasa penyiasat tiga orang yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, mengenai peristiwa pinjaman Bumiputra Malaysia Finance;
- (b) sama ada laporan sementara mengandungi apa-apa penemuan (findings) mengenai percubaan untuk menutup (cover-up) peristiwa BMF dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak-pihak yang bersalah; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang mengumumkan hasil laporan jawatankuasa tersebut kepada orang ramai dalam bentuk kertas putih; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli Yang Berhormat dari Eandar Kuching yang masing-masing dijawab dalam Dewan ini pada 10-10-84 dan 15-10-84, ini memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah isu yang sama, iaitu berkenaan dengan BMF.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah melantik tiga orang ke dalam Jawatankuasa Penyiasatan BMF yang ditubuhkan oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Jawatankuasa itu baru sahaja menyiapkan laporan semmentaranya (interim report).

Oleh kerana penyiasatan yang lebih lanjut perlu dibuat, saya tidak dapat memberi tarikh yang muktamad tentang bilakah laporan yang terakhir oleh Jawatankuasa ini dapat disiapkan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kedua-dua laporan, yakni Laporan Sementara ini (Interim Report) dan Laporan Terakhir nanti akan diumumkan kepada orang ramai. Sama ada laporan-laporan berkenaan akan dibentangkan dalam Parlimen ini untuk dibahas ataupun tidak, terpulanglah kepada Jemaah Menteri untuk memutuskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penelitian dan kajian Kementerian Kewangan ke atas Laporan Sementara Jawatankuasa ini, laporan ini tidak menunjukkan apa-apa bukti bahawa ada percubaan untuk menutup peristiwa BMF itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Pengerusi Jawatankuasa Siasatan BMF dan juga Auditor-General Tan Sri Ahmad Noordin pun pernah melahirkan fikirannya kenapa laporan interim committeonya belum diumumkan kepada orang ramai, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Kerajaan masih belum mahu umumkan, mahu tunggu selepas Budget, apa sebabnya? Oleh kerana bukankah ini satu tanggungjawab, satu jaminan yang ada dibuat oleh semua pemimpin-pemimpin tertinggi bahawa laporan semua siasatan akan diumumkan tanpa apa-apa kelambatan dan adakah Kerajaan bersetuju untuk menetapkan dua hari untuk satu perbincangan mengenai BMF atas usul yang saya ada kemukakan dalam Dewan ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi laporan ini ialah Laporan Sementara, ertinya laporan yang

belum mengandungi keterangan-keterangan lengkap. Maka itulah pihak Kerajaan mahu meneliti sama ada hendak dibentangkan atau tidak kepada orang ramai. Saya telah memberi akuan tadi bahawa Laporan Sementara ini ataupun Laporan Sementara Kedua belum tahu lagilah akan dikemukakan kepada pihak Kabinet dahulu dan terpulanglah kepada Kabinet ataupun Jemaah Menteri untuk membuat keputusannya. Cuma saya hairan sedikit mengapakah agaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak sangat tengok laporan ini. Sudah beritahu akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pun dia seolah-olah tak percaya kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tahu siapa punya salah!

BARANGAN/MAKANAN DARI JEPUN—PENGIMPORAN

7. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang membolehkan barangan dan makanan-makanan buatan Jepun diimport ke negara ini;
- (b) mengapakah tidak disyaratkan supaya bahan kandungan dan arahan menggunakannya dibuat dalam Bahasa Malaysia; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan memeriksa makanan-makanan tersebut bagi menentukan halal haramnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada syarat khas yang dikenakan khusus kepada barang-barang yang diimport dari Jepun. Buat masa ini tidak ada syarat dikenakan

kepada barang-barang import supaya bahan kandungannya dan arahan menggunakannya dilabel dalam Bahasa Malaysia.

Mengenai soal sama ada pihak Kerajaan memeriksa makanan-makanan bagi menentukan halal haramnya, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak membuat pemeriksaan, melainkan barang-barang tersebut dilabel sebagai 'halal' atau boleh digunakan oleh orang-orang Islam. Tindakan memeriksa barang-barang yang berkenaan hanya akan diambil apabila ada aduan dari orang ramai yang meragui tentang halal haramnya barang tersebut dengan berlandaskan kepada peruntukan Akta Perihal Dagangan 1972. Akta tersebut memperuntukkan bahawa jika sesuatu barang tidak disenaraikan dengan betul mengenai kandungan barang yang sebenar, maka itu adalah dianggap satu kesalahan. Umpamanya jika sesuatu barang itu ditandakan halal sedangkan di dalamnya mengandungi barang haram atau cara proses yang haram, maka perkara ini adalah salah di sisi Akta tersebut dan tindakan boleh diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan imbangan perdagangan di antara negara Malaysia dengan Jepun lebih menguntungkan negara Jepun dengan kadar yang sangat tinggi dan negara tersebut tidak membuat sesuatu untuk membaiki keadaan ini, tidakkah Kerajaan berniat untuk mengenakan sekatan import kepada barangan dan makanan-makanan serta restoran-restoran dan pasaraya-pasaraya dari negara Jepun?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai dengan imbangan pembayaran dengan Jepun bukan sahaja meliputi barangan yang disebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat, tetapi juga banyak barang-barang yang lain. Tetapi saya tidak menyatakan dalam jawapan tadi bahawa sebenarnya ada peraturan-peraturan tertentu yang dikenakan bagi barangan-barangan tertentu, umpamanya ada barangan yang memerlukan sekatan import maka kita mengenakan syarat supaya pemohon-pemohon yang ingin mengimport barang-barang tersebut memerlukan mendapat permit mengimport dari pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di samping itu, ada barang-barang yang lain yang tidak dikenakan sekatan import seperti itu tetapi dikenakan bayaran cukai ataupun duti mengikut kadar-kadar yang dianggap menasabah oleh pihak Kerajaan untuk memastikan supaya kita dapat melindungi industri tempatan dan juga untuk mendapat hasil kepada negara. Oleh sebab itu, soal mengenai imbangan pembayaran ini memang ada langkah-langkah yang menyeluruh yang sedang pun diusahakan oleh pihak Kerajaan, bukan sahaja dengan soal Jepun tetapi negara-negara lain dan tindakan-tindakan akan diambil dari segi jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai dengan sekatan kepada barang-barang lain seperti makanan dan restoran, sekatan ini tidak ada undang-undang yang merdeka syarikat-syarikat asing dan sebagainya untuk memulakan perniagaan sama ada dalam bentuk runcit, membuka restoran dan sebagainya di dalam negara kita.

DEFISIT IMBANGAN PERDAGANGAN TIDAK KETARA

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan setakat mana kedudukan Defisit Imbangan Perdagangan Tidak Ketara negara pada masa ini keseluruhannya, terutama dengan

negara-negara Jepun dan Amerika Syarikat. Apakah faktor-faktor yang menyebabkannya. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya, dan adakah langkah ini akan melibatkan sebarang dasar negara sendiri seperti Dasar Pandang ke Timur ataupun dasar perhubungan dengan mana-mana negara rakan perdagangan Malaysia.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan imbalan pembayaran, tidak ketara adalah dalam keadaan defisit sebanyak \$8.5 ribu juta pada akhir tahun 1983. Daripada jumlah ini, sebanyak 11% ataupun \$938 juta adalah defisit dengan negara Jepun manakala 21% atau \$1.8 ribu juta adalah defisit dengan Amerika Syarikat. Adalah dijangka defisit akaun tidak ketara ini akan meningkatkan kepada paras \$9.9 ribu juta pada tahun 1984 ini. Defisit yang besar ini adalah disebabkan oleh aliran keluar bersih tukaran wang asing yang timbul daripada beberapa perkara, terutamanya insurans dan perkapalan, pelajaran dan pelancongan termasuk pelajaran untuk pelajar-pelajar kita keluar negeri. Kemudian daripada itu, termasuk juga pendapatan pelaburan dan perkhidmatan perunding dan pembinaan.

Aliran keluar yang besar ini yang timbul daripada faktor dinyatakan di atas adalah oleh kerana sebab-sebab:

- (1) keadaan industri insurans dan perkapalan negara yang masih kecil dan kekurangan kepakaran, oleh kerana itu sebahagian besar daripada perdagangan luar negeri negara kita adalah bergantung kepada perkhidmatan firma-firma insurans dan perkapalan asing;
- (2) industri pelancongan negara kita masih lagi diperingkat membangun dan belum lagi dapat memainkan peranan yang

berkesan untuk menarik pelancong-pelancong dari rantau Asia dan Negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini;

- (3) kekurangan kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi, terutamanya di peringkat universiti telah menghasilkan banyak penuntut-penuntut negara kita terpaksa melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri;
- (4) Malaysia masih lagi bergantung kepada pelaburan-pelaburan asing dan juga pinjaman-pinjaman untuk membiayai usaha-usaha pembangunan ekonomi negara; dan
- (5) kegunaan pemborong-pemborong dan pakar-pakar perunding dari luar negeri untuk melaksanakan projek-projek besar oleh sektor awam dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan kesan-kesan negatif yang timbul daripada kekurangan dalam akaun tidak ketara ini. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil dan akan mengambil beberapa tindakan tertentu dari segi jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi dan memperbaiki keadaan ini. Pada masa ini Kerajaan telah pun memberi banyak insentif-insentif cukai kepada industri-industri hotel, insurans dan perkapalan. Kerajaan juga telah memansuhkan duti-duti ke atas kebanyakan barang yang biasa dibeli oleh pelancong-pelancong seperti radio, jam dan sebagainya untuk menggalak pelancongan di negara kita ini.

Berkenaan dengan soal perkapalan Kerajaan telah pun menambah satu lagi syarikat perkapalan negara iaitu PERNAS International Shipping Line

(PNSL) dan juga menubuhkan pusat penempahan pengangkutan kargo sebagai usaha-usaha untuk mengukuhkan industri perkapalan negara dan juga untuk berusaha menyalurkan segala eksport-eksport keluar negara dibuat melalui syarikat-syarikat negara kita sendiri. Kerajaan juga telah berusaha untuk mengurangkan pinjaman-pinjam dari luar negeri dengan tujuan mengurangkan bayaran faedah keluar dari negara kita ini. Di samping itu juga Kerajaan telah menubuhkan Universiti Utara Malaysia dan menyediakan kursus-kursus penyediaan awal bagi penuntut-penuntut Malaysia yang dibiayai oleh Kerajaan sebagai usaha-usaha untuk menambahkan kemudahan-kemudahan pelajaran peringkat universiti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama Kerajaan juga telah pun menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan dan pelaksanaan pada awal tahun ini untuk mengkaji, mencadangkan dan melaksanakan rancangan-rancangan yang sesuai bagi memperbaiki keadaanimbangan pembayaran. Langkah yang sekarang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini adalah merangkumi usaha-usaha untuk mengurangkan aliran tukaran wang asing di dalam empat perkara penting iaitu perkapalan dan insurans, pelancungan, pendapatan dan pelaburan dan perkhidmatan perundingan dan pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah secara komprehensif dan melaksanakannya dari masa ke semasa. Dalam soal ini tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mungkin menyentuh soal-soal dasar pembinaan negara dan juga dasar Pandang ke Timur serta perhubungan negara kita dengan rakan-rakan perdagangan utama kita. Umpamanya Kerajaan telah pun

mengadakan runtingan-rundingan dengan negara-negara tertentu seperti Korea Selatan mengenai pengangkutan barang-barang dagangan antara kedua buah negara. Usaha-usaha ini akan dijalankan bagi memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

KEGIATAN POLITIK DI SEKOLAH

9. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil siasatan Kementerian Pelajaran mengenai dakwaan golongan guru-guru yang menjadikan sekolah-sekolah sebagai medan berpolitik menentang Kerajaan dengan kegiatan-kegiatan yang disebut sebagai anti-sosial. Sudahkah Kementerian Pelajaran menyenaraikan mereka yang terlibat dan apakah sebenarnya kegiatan yang mereka lakukan yang disebut anti-sosial. Apakah bentuk tindakan yang telah dan akan diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Utis): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran belum lagi memperolehi bukti-bukti yang jelas menyatakan adanya golongan guru-guru yang menjadikan sekolah-sekolah sebagai medan berpolitik dan anti sosial. Setelah dijalankan siasatan didapati dakwaan itu tidak mempunyai asas yang jelas. Namun demikian Kementerian ini sentiasa mengikuti perkembangan kegiatan guru-guru sekolah dan tidak akan teragak-agak menyenaraikan nama mereka serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang berkenaan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi bahawa beliau tidak ada mempunyai asas-asas mengenai guru-guru yang terlibat dengan kegiatan politik di sekolah. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah

penyiasatan itu dibuat dan siapakah yang terlibat dengan soal selidik yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu Kementerian di mana di tiap-tiap negeri kita ada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dan di jabatan-jabatan ini kita mempunyai pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk menyelidiki perkara ini dengan harapan supaya bantuan daripada mereka ini dan juga orang-orang yang bukan dalam Jabatan Pelajaran juga kita harap laporan akan dapat kita terima mengenai perkara ini, dan kita akan gunakan cara ini untuk menentukan yang siasatan itu akan dapat dijalankan dengan tepat.

RASUAH DI JPJ, KASTAM DAN POLIS—TUDUHAN

10. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar berlaku korupsi di kalangan polis, Jabatan Jalan Raya dan Kastam sebagaimana yang dituduh oleh Puan Zainab Presiden Persatuan Tuan-tuan punya Lori Malaysia dan sekiranya benar, maka apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang bersalah ini dan sekiranya tidak benar, maka kenapakah tuduhan ini dibiarkan berlalu begitu sahaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, pertama mungkin yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat atas Jabatan Jalanraya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan. Soalan ini terbangkit mengenai tuduhan secara umum yang menyatakan adanya perbuatan rasuah di kalangan Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam. Badan Pencegah Rasuah (BPR) ada menerima maklumat tentang perkara

rasuah di kalangan pegawai-pegawai jabatan-jabatan tersebut. Namun demikian, maklumat-maklumat yang diterima itu setakat ini adalah terlalu umum dan tidak ada keterangan yang cukup. Pihak BPR walau bagaimanapun masih menyiasat perkara ini dan tindakan akan diambil sekiranya bukti telah mencukupi.

JALAN RAYA DI SABAH DAN SARAWAK

11. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan beliau ke Sabah/Sarawak baru-baru ini; dan
- (b) bilakah Kerajaan Pusat akan mengambil alih jalan-jalan raya di dalam kedua-dua buah negeri itu dan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kutipan tol di jalan-jalan raya di kedua-dua buah negeri itu juga.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di Pertua, pertama, sukacita saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu saya telah melawat Sabah sahaja tetapi tidak Sarawak. Lawatan saya ke Sabah yang telah saya lakukan pada 27hb dan 28hb Ogos, 1984 ialah di atas undangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Dalam lawatan saya ke Sabah itu, saya telah menggunakan jalan-jalan yang sedia ada bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain dari Kota Kinabalu ke Beaufort ke Menumbuk sebelum menaiki bot ke Labuan. Jalan dari Kota Kinabalu ke Beaufort adalah baik dan bolehlah dikatakan sebaik jalan-jalan di Semenanjung Malaysia, tetapi jalan dari Menumbuk adalah memerlukan peningkatan mutu yang segera, sekiranya perjalanan dari Kota Kinabalu ke Labuan, iaitu Wilayah

Persekutuan yang baru diisytiharkan itu, boleh dibuat dengan segera dan selesa.

Yang Berhormat Dato Menteri Kerjaraya dan Tugas-tugas Khas Sarawak telah juga datang berjumpa dengan saya membincangkan perkara yang sama pada 17hb September, 1984 dan telah diikuti dengan satu mesyuarat di peringkat pegawai yang telah diadakan di Kementerian saya pada 3hb Oktober, 1984.

Di dalam perbincangan saya dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan pegawai-pegawainya pada 28hb Ogos saya telah menyatakan bahawa pengambilan alih jalanraya-jalanraya di Sabah ini bolehlah dikaji dengan lebih teliti lagi dan oleh kerana cadangan ini akan memerlukan satu peruntukan yang terbesar, maka pelaksanaan cadangan ini hendaklah dijalankan secara berperingkat-peringkat, mulai tahun 1985 kelak.

Di dalam perbincangan itu kami telah mengenal pasti beberapa jalan-jalan yang boleh diisytiharkan sebagai Jalan Persekutuan. Di antara jalan-jalan yang berkenaan itu ialah:

- (i) Jalan Raya Beaufort ke Menumbuk
- (ii) Jalan Raya Ranau ke Telupid
- (iii) Jalan Raya Telupid ke Sandakan
- (iv) Jalan Raya Sandakan ke Lahat Datu
- (v) Jalan Raya Lahad Datu ke Tawau
- (vi) Jalan Raya Lahad Datu ke Tambisan
- (vii) Jalan Raya Beaufort ke Sindumin.

Mengenai bilakah Kerajaan Pusat akan mengambil alih jalanraya-jalanraya di Sabah dan Sarawak ini, sukacita saya menyatakan iaitu pengambilan alih jalanraya-jalanraya yang berkenaan itu akan dibuat

setelah kedua-dua negeri itu mempersetujukannya kelak. Kemungkinan ialah pengambilan alih jalanraya-jalanraya ini akan dibuat di dalam tahun 1985 kelak. Pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian saya dan juga di Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah pun mula membincangkannya.

Mengenai kutipan tol pula, sukacitalah saya mengumumkan iaitu Kementerian saya tidak ada apa-apa cadangan untuk mengenakan apa-apa kutipan daripada Ahli Yang Berhormat atau dari rakyat Sarawak atau Sabah berkenaan jalanraya-jalanraya Sabah dan juga di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, dan 12 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

ROMPAKAN JENAYAH

1. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kian bertambahnya kejadian rompakan yang berlaku di sana sini dalam negara kita hari ini; adakah ini merupakan suatu tanda yang menunjukkan kelemahan kawalan-kawalan keselamatan dan sama ada perompak-perompak yang terlibat terdiri dari rakyat-rakyat Malaysia atau dari luar Malaysia dan nyatakan apakah langkah-langkah penghapusan yang akan dijalankan.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Yang Berhormat, memang adanya pertambahan kejadian jenayah rompakan di negara ini. Namun begitu perangkaan kejadian rompakan tidak menunjukkan kejadian ini bertambah dengan banyaknya dan penglibatan warganegara asing pula adalah terlalu sedikit.

Pertambahan yang sedikit ini adalah ekor dari pertumbuhan ekonomi, pembangunan yang pesat serta peningkatan kadar penduduk yang tinggi.

PERJANJIAN BURUH MALAYSIA-INDONESIA

12. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana beliau dapat menyesuaikan (reconcile) penandatanganan perjanjian buruh antara Malaysia dan Indonesia dengan kelebihan pekerja daripada jangkakan kemasukan anggaran 50,000 pekerja-pekerja Malaysia yang tidak mahir yang kebanyakannya diupah dalam sektor pembinaan di Singapura lebih-lebih lagi kerana orang-orang Indonesia adalah direkrut untuk bekerja dalam ladang-ladang dan tapak-tapak pembinaan yang merupakan sektor kerja yang sama yang pekerja-pekerja kita adalah dijangka berasingan dengannya.

Dato' Musa Hitam: Di bawah Perjanjian Buruh yang ditandatangani di antara Malaysia dan Indonesia pada 12 Mei 1984 yang lalu, buruh-buruh Indonesia akan dibawa masuk ke negara ini hanya di atas permintaan dari Malaysia. Permintaan ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh majikan-majikan yang berkenaan. Seperti yang pernah ditegaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, kemasukan dan kehadiran buruh-buruh asing di negara kita ini tidak akan menjejaskan peluang buruh-buruh tempatan di negara ini. Ini adalah disebabkan buruh-buruh asing yang dibawa masuk adalah dengan tujuan untuk mengisi kekosongan yang wujud dan bukannya untuk mengambil tempat atau menggantikan buruh tempatan yang sedia ada dan juga bukannya untuk merampas peluang pekerjaan buruh tempatan di negara ini. Oleh yang demikian perkara yang dibangkitkan

oleh ahli Yang Berhormat itu tidak timbul sama sekali.

BERNAMA DAN ANTARA— KERJASAMA PENERANGAN

13. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Penerangan menyatakan apakah hasil lawatan Menteri Penerangan Indonesia Haji Harmoko ke Kuala Lumpur baru-baru ini. Sejauh manakah tahap pencapaian kerjasama dan pembaikan pengaliran penerangan antara Malaysia/Indonesia khususnya agensi berita BERNAMA dan ANTARA. Adakah kedua belah pihak telah melaksanakan memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua Menteri Penerangan berhubung dengan agensi ANTARA dan BERNAMA.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Lawatan Menteri Penerangan Republik Indonesia Hj. Harmoko ke Malaysia pada bulan Julai, 1984 adalah sebagai lawatan balas kepada Lawatan Menteri Penerangan Malaysia ke Indonesia pada bulan September, dan Oktober 1983.

Lawatan Menteri Penerangan Indonesia ke Malaysia baru-baru ini telah menghasilkan satu memorandum persefahaman dalam bidang Penerangan dan Komunikasi antara Kementerian Penerangan Malaysia dengan Department Penerangan Republik Indonesia yang menyentuh aktiviti Penyiaran dan Penerangan. Di dalam memorandum persefahaman ini kedua-dua Menteri telah bersetuju untuk mengujudkan satu Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai yang berkaitan dari Republik Indonesia dan Malaysia yang akan bertemu sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menetapkan program pelaksanaannya dalam bidang penyiaran dan penerangan. Kedua-dua belah pihak juga bersetuju mengujudkan kerjasama dalam bidang

Kewartawanan bagi memperluaskan persetujuan kerjasama yang telah ada antara BERNAMA dan ANTARA. Hubungan rapat ini terjalin dengan perjanjian pertukaran berita di antara kedua-dua agensi yang telah ditandatangani pada bulan Ogos, 1970. Perjanjian ini merupakan yang pertama pernah diadakan oleh BERNAMA. Pertukaran berita telah dimulakan sejak 1 September, 1970 melalui pos dan ianya ditingkatkan mulai bulan Jun, 1980 apabila hubungan teleprinter dua hala terus-menerus diadakan di antara BERNAMA dan ANTARA.

Hasil dari penukaran berita ini BERNAMA kini mengedarkan kepada pelanggan-pelanggannya sekitar 10 hingga 15 item berita. Demikian juga BERNAMA mengirim sekitar 15 item berita untuk diedarkan oleh ANTARA kepada pelanggan-pelanggannya di Indonesia.

KEMATIAN PUAN TAN SIEW KEE—SIASATAN

14. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Peguam Negara telah menerima butir-butir hasil penyelidikan kematian Puan Tan Siew Kee dari Thean Teik Estate, Pulau Pinang, jika ya, menyatakan:

- (a) sama ada Konstabel Arul akan didakwa; dan
- (b) sama ada sebarang tindakan disiplin akan diambil terhadap bekas Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Haji Zaman Khan.

Dato' Musa Hitam: Peguam Negara baharu sahaja menerima butir-butir hasil penyelidikan kematian mendiang Puan Tan Siew Kee di Estate Thein Teik, Pulau Pinang dan kini Peguam Negara sedang mengkaji hasil penyelidikan tersebut.

JALANRAYA DI SARAWAK— PERUNTUKAN

15. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah jalanraya di Negara Sarawak yang dikendalikan oleh pihak Persekutuan; jumlah wang yang diperuntukkan untuk menyelenggara jalanraya-jalanraya di Negeri Sarawak dan adakah Kerajaan menimbang untuk menambahkan peruntukan-peruntukan untuk penyelenggaraan jalanraya-jalanraya serta mengambil alih lebih banyak jalanraya-jalanraya.

Dato' S. Samy Vellu: Terlebih dahulu sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang, Berhormat iaitu penyelenggaraan jalan-jalanraya di Sarawak ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri setelah mendapat peruntukan penyelenggaraan dari Perbendaharaan. Oleh yang demikian itu Kementerian saya tidaklah terlibat secara langsung dengan perkara ini. Walau bagaimanapun Kementerian saya ada terlibat melalui Jabatan Kerja Raya Negeri yang melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan jalan-jalanraya ini.

Mengikut maklumat yang saya terima daripada Perbendaharaan, peruntukan bagi menyelenggara jalan-jalanraya di Sarawak adalah terbahagi kepada dua jenis, iaitu bagi jalan-jalan yang mempunyai standard yang minima dan juga jalan-jalan yang bertaraf sub-standard. Jalan-jalan yang mempunyai standard minima ialah sepanjang 1,688.083 batu yang mendapat peruntukan penyelenggaraan sebanyak \$13,760 sebatu. Jalan-jalanraya yang bertaraf sub-standard adalah sepanjang 117.7 batu dan mendapat peruntukan sebanyak \$9,670 sebatu. Bagi tahun 1984 ini Kerajaan Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$24,380,188.54 sen bagi menyelenggara jalan-jalanraya yang berkenaan itu di Sarawak.

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan-jalan raya di seluruh negara, supaya jalan-jalan raya itu akan bertambah baik dari apa yang ada sekarang, tetapi semuanya ini adalah tertakluk kepada adanya peruntukan yang mencukupi untuk Kerajaan berbuat demikian. Jumlah perbatuan jalan-jalan raya yang bertaraf standard minima dan sub-standard yang tersebut di atas tadi ialah mengikut perbatuan yang telah dipersetujui dalam tahun 1979. Perkara untuk menambah perbatuan jalan-jalanraya yang diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan di Sarawak adalah satu perkara yang dikaji dari semasa ke semasa. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih penyelenggaraan jalan-jalan raya di Sarawak seberapa banyak yang boleh, tetapi semuanya ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan jua.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada cadangan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan perlu (Pindaan) 1975 memandangkan kepada keputusan Suruhanjaya Hak-hak Perikemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu memansuhkan nama Malaysia dari senarai negeri-negeri yang melanggar syarat-syarat hak-hak perikemanusiaan.

Dato Musa Hitam: Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 walaupun keputusan Suruhanjaya Hak-hak

Perikemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu memansuhkan nama Malaysia dari senarai negeri-negeri yang melanggar syarat-syarat hak-hak perikemanusiaan.

Akta dan Peraturan-peraturan tersebut telah digubal dengan begitu teliti bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman anasir-anasir subversif dan komunis militan yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan senjata.

Sukalah saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa keselamatan negara pada masa ini adalah terkenal oleh kerana kita berjaya membendung kegiatan musuh-musuh negara. Akan tetapi ini bukan bermakna bahawa ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak lagi ujud. Bahkan negara kita masih menghadapi ancaman dari penganas komunis, anasir-anasir subversif dan anti nasional.

Maklumat menunjukkan bahawa tiada tanda-tanda penganas komunis mengubah matlamat asal perjuangan mereka iaitu merampas kuasa dari Kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat. Apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka hanya mengubah taktik agresif mereka kepada taktik (dengan izin) "LOW PROFILE" oleh kerana sekarang mereka lemah. Taktik ini mungkin berubah kepada taktik agresif sekiranya kita tidak berwaspada dan mengambil tindakan yang tegas.

Memandangkan kepada keadaan tenteram yang ujud hasil dari keupayaan Jentera Kerajaan mengawal keadaan dengan adanya peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah Akta ini, maka Kerajaan bercadang untuk meneruskan pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975.

(Soalan No. 17—sila lihat Soalan No. 5).

**MESYUARAT KETUA-KETUA
KERAJAAN KOMANWEL
(CHOGRM) DI PAPUA
NEW GUINEA**

18. **Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Perdana Menteri menyatakan hasil dialog sehari di mesyuarat Daerah Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Papua New Guinea baru-baru ini. Apakah caranya Rancangan Bantuan Teknik Malaysia dapat membantu negara-negara Teluk Pasifik yang kurang maju.

Dato' Seri Mahathir bin Mohamad: Mesyuarat Keempat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Serantau (CHOGRM IV) telah diadakan pada 8hb. Ogos, 1984 di Port Moresby, Papua New Guinea. Di Mesyuarat tersebut, Ketua-ketua Kerajaan Komanwel telah berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu politik dan ekonomi serantau dan kerjasama serantau di antara negara-negara Komanwel dan telah mencapai beberapa keputusan penting mengenai masa depan CHOGRM.

Mengenai isu-isu politik, Ketua-ketua Kerajaan telah bersepatat menentang ujian-ujian nuklear dan pembuangan sisa-sisa nuklear di Lautan Pasifik dan menyokong pencapaian kemerdekaan bagi New Caledonia dari penjajahan Perancis. Mengenai masa depan CHOGRAM, Mesyuarat itu telah bersetuju supaya forum CHOGRM serta kumpulan-kumpulan kerja di bawahnya diteruskan, tetapi di masa hadapan Mesyuarat CHOGRM akan diadakan apabila perlu sahaja dan tidak tiap-tiap dua tahun sekali seperti yang lepas. Di samping itu juga, Malaysia telah diminta untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat CHOGRM yang akan datang, walaupun tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Pada keseluruhannya, Mesyuarat ini telah membuka peluang kepada kita untuk merapatkan tali persahabatan kita dengan negara-negara di rantau Pasifik Selatan. Delegasi kita telah memainkan peranan yang membina dan aktif di Mesyuarat tersebut dan ini telah meninggikan lagi imej Malaysia di kalangan negara-negara di rantau ini. Sempena lawatan tersebut, Y.A.B. Perdana Menteri telah menandatangani satu Perjanjian Kerjasama Teknikal dengan Papua New Guinea dan menjadi saksi kepada Perjanjian Usahabina di antara MOIC (Malaysia Overseas Investment Corporation) dan Fiji untuk membina sebuah hotel/pusat persidangan di Fiji.

Di samping ini, rancangan bantuan teknikal Malaysia yang dikenali sebagai Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM) yang dilancarkan pada akhir tahun 1980, adalah juga ditawarkan kepada negara-negara yang kurang maju di Kepulauan Pasifik.

Rancangan ini dapat membantu negara-negara tersebut dengan cara melibatkan pemindahan teknologi dan pembangunan sumber tenaga manusia dibidang-bidang di mana Malaysia mempunyai kepakaran dan pengalaman.

Dalam hal ini Malaysia telah pun memberi latihan dibidang-bidang yang tertentu di institusi-institusi seperti INTAN, SIRIM, Pusat Latihan Telekom dan sebagainya. Negara-negara tersebut juga diberi peluang untuk mengadakan lawatan sambil belajar serta menempatkan pegawai-pegawainya dalam jangka masa pendek di Jabatan-jabatan Kerajaan di sini.

Kesemuanya ini dapat mempertingkatkan serta memperbaiki lagi kebolehan dan kemahiran para peserta negara-negara tersebut di samping mendedahkan mereka kepada teknologi-teknologi baru yang

terdapat di negara ini. Ianya juga memberi peluang kepada para pegawai negara-negara tersebut memerhati dan mempelajari sistem pentadbiran dan pengurusan di bidang-bidang yang tertentu. Dengan ini, ianya dapat membantu sedikit sebanyak dalam pembangunan negara-negara itu.

PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU

19. Tuan Yahya bin Hj. Zakaria minta Menteri Pertanian menerangkan peratus kemajuan yang telah dicapai setelah beberapa projek Pembangunan Bersepadu dilaksanakan bagi mempertingkatkan pendapatan masyarakat tani, kerana terdapat percanggahan di antara agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Setakat ini Kementerian Pertanian telah melaksanakan sebanyak 15 projek IADP. Dari jumlah tersebut sebanyak 4 projek telah siap iaitu MADA, KADA, Besut dan Kelantan Utara. Projek-projek yang lain adalah sedang dilaksanakan.

Pendapatan dan hasil padi penduduk-penduduk dikawasan projek-projek yang telah siap telah meningkat. Kekesanan bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan hanya akan dapat diketahui selepas projek-projek tersebut siap.

Adalah tidak benar terdapat percanggahan di antara agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian kerana di dalam pengurusan projek-projek IADP terdapat penyelarasan di peringkat pusat dalam bentuk Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa tersebut adalah dipengerusikan bersama oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Y.A.B. Menteri Besar ataupun oleh Ketua

Setiausaha Kementerian Pertanian dan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan dan lain-lain ahli Jawatankuasa ini termasuklah wakil-wakil dari agensi dan Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan juga lain-lain Kementerian dan Jabatan yang berkaitan.

Diperingkat projek pula telah ditubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Pengarah Projek yang berkenaan dan juga agensi dan jabatan yang berkenaan dengan perancangan dan pelaksanaan projek.

KETUA MENTERI SABAH— PERISYTIHARAAN ASET

20. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Ketua Menteri Sabah, Datuk Haris sallah, telah melaporkan dalam pengisytiharan asetnya kepada beliau mengenai jawatan pengarah yang dipegangnya dalam tiga buah syarikat iaitu Syarikat Dua Bersaudara Sdn. Bhd., Bersaudari Sdn. dan Sejati Sdn. Bhd. sementara memegang jawatan Ketua Menteri dan bahawa beliau (Perdana Menteri) telah membenarkan Ketua Menteri Sabah melanggar Perkara (5) Perlembagaan Negeri Sabah.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Y.A.B. Ketua Menteri Sabah telah melaporkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri mengenai jawatan-jawatan pengarah yang dipegangnya dalam 3 buah syarikat yang tersebut.

Mengikut Y.A.B. Perdana Menteri beliau tidak pernah memberi kebenaran kepada sesiapa pun melanggar mana-mana Undang-undang Negeri atau Persekutuan.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penjelajahan pengurusan dan pemeliharaan hutan dan pembangunan perhutanan dalam Negeri-negeri di Malaysia dan bagi maksud-maksud yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT PCS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek-aspek tertentu mengenai pelantar Benua Malaysia

dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang.

Konsep zon ekonomi eksklusif wujud daripada perbahasan di antara negara-negara mengenai setakat mana sesebuah negara berpantai boleh menjalankan bidang kuasanya ke atas lautan yang berhampiran pantai. Pada abad yang ke-18 terbitlah cadangan bahawa lautan wilayah sesebuah negara berpantai meluas kepada tiga batu notika. Konsep ini berasaskan kepada sejauh manakah tembakan meriam di pantai boleh sampai ke laut.

Cadangan tiga batu ini telah mendapat sokongan daripada negara-negara maritime seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, France, Netherlands dan Jepun tetapi tidak diterima oleh konvensyen-konvensyen antarabangsa termasuklah konvensyen Geneva mengenai lautan wilayah dan zon berdampingan 1958.

Selepas perang dunia kedua beberapa negara telah menuntut 12 batu sebagai lautan wilayah mereka. Pada bulan Jun 1947 Chile telah membuat perisytiharan bagi memperluaskan kedaulatannya ke atas pelantar benua dan lautan berhampiran pantai sehingga 200 batu dari pantai untuk melindungi sumber-sumber alam di kawasan itu.

Pada tahun 1950 negara El Salvador pula telah menuntut lautan wilayah setakat 200 batu dari pantai. Dan pada tahun 1952 menurut perisytiharaan San Diego, negara-negara Chile, Peru dan Equador telah membuat tuntutan yang sama.

Konvensyen Geneva mengenai lautan wilayah dan zon berdampingan 1958 tidak menentukan lebar lautan wilayah walaupun konvensyen itu memperuntukkan dengan teliti cara

untuk menentukan lautan wilayah. Malaysia telah menyertai konvensyen tersebut pada 21hb Disember 1960.

Pada tahun 1969 Malaysia telah meluluskan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu Nombor 7) 1969. Ordinan ini telah menentukan lebar lautan wilayah Malaysia sebagai meluas sehingga 12 batu notika mengikut cara ukuran yang diperuntukkan dalam Konvensyen Geneva 1958.

Di antara tahun 1958 dan 1973 adalah menjadi amalan bagi negara-negara untuk menetapkan secara satu pihak, dengan izin, "unilaterally" pembatasan bidang kuasa mereka ke atas lautan yang berhampiran. Konsep zon ekonomi eksklusif berkembang daripada tuntutan 200 batu oleh negara-negara Amerika Selatan dan tuntutan-tuntutan tersebut dianggap sebagai tuntutan kedaulatan ke atas sumber alam kawasan itu.

Pada tahun 1972 konsep zon ekonomi eksklusif dimajukan lagi oleh perisytiharaan "Yaunde" yang telah di tandatangani oleh 17 negara-negara Afrika dan oleh perisytiharaan Santo Domingo yang telah ditandatangani oleh 10 negara-negara Carribean. Tidak ada selepas itu konsep ini telah disokong dengan tegas oleh kumpulan 77, dengan izin "The Group of 77" yang mewakili negara-negara membangun termasuk Malaysia sendiri.

Pada masa ini negara-negara makin sedar bahawa keperluan suatu konvensyen untuk semua aspek undang-undang laut sangat mendesak. Mesyuarat negara-negara bersatu mengenai undang-undang laut telah bermula pada tahun 1973. Mesyuarat ini menentukan lebar lautan wilayah sejauh 12 batu notika dan memberi perkenalan "Treaty" kepada konsep zon ekonomi eksklusif.

Lebih daripada 160 negara telah mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut. Hasil daripada mesyuarat itu

yang telah tamat pada tahun 1982 ialah Konvensyen Undang-undang Laut 1982 yang telah ditandatangani oleh 134 negara termasuk Malaysia. Lama sebelum mesyuarat tersebut tamat, sebaik sahaja selepas konsep zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua mesyuarat beberapa negara telah mula membuat tuntutan ke atas zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam deraf Konvensyen Undang-undang Laut misalnya India, Mexico dan Norway pada tahun 1976. New Zealand pada tahun 1977, Sychelles dan Venezuela pada tahun 1978.

Pada 25hb. April 1980 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membuat suatu perisytiharan menubuhkan zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagai meluas sehingga 200 batu notika dari garisan asas atau garisan tapak dengan izin, "based line" lautan wilayah Malaysia dan mengumumkan hak kedaulatan dan bidang kuasa Malaysia dalam zon tersebut. Malaysia telah diisytiharkan mempunyai dalam zon tersebut:

- (a) Hak kedaulatan bagi maksud mencari dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam dasar laut dan tanah dan airnya, sama ada yang hidup atau yang bukan hidup dan berhubungan dengan lain-lain aktiviti untuk mencari dan mengeksploit zon itu dari segi ekonomi seperti mengeluarkan tenaga dari air, arus dan angin.
- (b) Bidang kuasa berhubungan dengan mengada dan menggunakan pulau-pulau buatan, pemasangan dan binaan, penyelidikan laut dari segi sains, pemeliharaan alam sekitar laut.

Pada bulan Disember, 1982 Malaysia telah menandatangani Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut. Konvensyen ini akan mula berkuatkuasa 12 bulan selepas 60 buah negara telah meratifikasinya. Sehingga kini 13 buah negara telah meratifikasikan Konvensyen itu. Pihak Malaysia sedang menjalankan kajian yang mendalam mengenai implikasi-implikasi dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Konvensyen tersebut sebelum membuat apa-apa keputusan untuk meratifikasinya.

Penggubalan Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif ini merupakan tindakan berikutan yang perlu diambil untuk mengekalkan hasrat dan tujuan Malaysia terhadap zon ekonomi eksklusifnya. Rang Undang-undang ini menerangkan cara bagaimana sempadan zon tersebut hendak ditentukan dan memperuntukkan dengan teliti hak kedaulatan dan bidang kuasa Malaysia dalam zon ekonomi eksklusif. Oleh kerana zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua Malaysia bertindih dan ada beberapa perkara di kedua-ke dua kawasan itu yang bertindih maka peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif terpakai juga bagi kawasan Pelantar Benua.

Peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif yang terpakai bagi Pelantar Benua adalah sebagai tambahan kepada dan bukan untuk mengurangkan mana-mana peruntukan Akta Pelantar Benua 1966. Namun demikian, Akta Pelantar Benua akan disemak semula untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang itu dengan Konvensyen Undang-undang Laut. Adalah diperingatkan bahawa

Malaysia telah pada 21hb Disember, 1960 menyertai, dengan izin, acceded to convention Geneva, (Pelantar Benua, 1958).

Pada tahun 1966 Malaysia telah meluluskan Akta Pelantar Benua yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penjelajahan dan eksploitasi sumber-sumber alam di kawasan pelantar benua Malaysia. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah selaras dengan Konvensyen Geneva, 1958. Konvensyen Undang-undang Laut 1982 pula meluaskan konsep pelantar benua, walaupun peruntukan-peruntukan berkenaan dengan hak kedaulatan negara-negara ke atas pelantar benua tidak berubah. Perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif ini termasuk perkara-perkara pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar laut, penyelidikan saintifik laut, membina atau memberi kuasa dan mengawalselia pembinaan, pengendalian dan penggunaan pulau-pulau buatan atau struktur di zon ekonomi eksklusif dan kabel-kabel dan talian paip di bawah laut. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Konvensyen Undang-undang Laut.

Fasal 3 Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif menetapkan zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagai meluaskan sehingga 200 batu nautika daripada garisan asas yang darinya lebar lautan wilayah itu diukur tetapi peruntukan dibuat juga untuk membolehkan Malaysia menetapkan dengan cara perjanjian soal-soal yang berhubung dengan persempadanan zon ekonomi eksklusif di antara Malaysia dengan negeri-negeri dengan pantai yang bertentangan atau berhampiran.

Fasal 4, mengulangkan hak kedaulatan dan bidang kuasa Malaysia dan zon ekonomi eksklusif yang telah diisytiharkan pada bulan April, 1980.

Fasal 5 pula melarang perjalanan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Fasal 4 dalam Zon itu atau pelantar benua melainkan yang dibenarkan mengikut peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini atau undang-undang bertulis yang terpakai di kawasan itu.

Bahagian III Rang Undang-undang berhubung dengan perikanan pada amnya.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa laut-laut yang terkandung di dalam zon ekonomi eksklusif adalah sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia.

Fasal 7 memperuntukkan bahawa Menteri yang bertanggungjawab bagi perikanan bertanggungjawab juga bagi perikanan di dalam zon ekonomi eksklusif.

Selain daripada itu, perkara perikanan di zon tersebut tidak diperuntukkan dalam Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif ini tetapi diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perikanan yang dicadangkan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Langkah ini diambil kerana adalah difikirkan lebih wajar dari segi pentadbiran dan pelaksanaan jika semua perkara perikanan yang sama di zon ekonomi eksklusif ataupun di laut wilayah Malaysia diperuntukkan dalam undang-undang yang sama iaitu Rang Undang-undang Perikanan.

Dengan meluaskan perkara perikanan Malaysia sehingga 200 batu nautika adalah diharapkan bahawa perikanan di perairan berhampiran dengan Malaysia dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi. Adalah juga harapan kita bahawa perusahaan

perikanan akan bertambah maju bagi melindungi dan memelihara alam sekitar laut di zon ekonomi eksklusif.

Bahagian IV Rang Undang-undang mengandungi beberapa peruntukan menghalang sebarang pencemaran dilakukan di zon itu.

Fasal 10 memperuntukkan bahawa jika apa-apa minyak, campuran berminyak atau pencemaran dilepaskan ke dalam zon ekonomi eksklusif dari mana-mana sumber pun, ini adalah suatu kesalahan di bawah Undang-undang dan orang-orang yang tertentu boleh dipertanggungjawabkan di sisi Undang-undang bagi kesalahan itu. Orang-orang yang tertentu itu termasuk pemunya atau nakhoda vesel, pemunya atau penghuni tempat atas tanah, pemunya atau orang yang bertanggungjawab mengenai sesuatu pemasangan atau alat dan pemunya atau juruterbang pesawat udara. Denda maksima yang boleh dikenakan pada kesalahan ini ialah \$1 juta.

Fasal 14 Rang Undang-undang memberi Ketua Pengarah Alam Sekitar kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memberi kerosakan atau ancaman kerosakan akibat kelepasan bahan-bahan pencemar di zon ekonomi eksklusif. Adalah diperuntukkan di bawah sub-Fasal 3, Fasal 14 bahawa segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kerja-kerja yang tertentu di bawah fasal ini adalah tanggungan orang-orang yang tertentu seperti disenaraikan di bawah Fasal 10.

Kuasa Ketua Pengarah Alam Sekitar, dalam kejadian pencemaran di zon ekonomi eksklusif adalah termasuk kuasa di bawah Fasal 15 bagi menahan apa-apa vesel dari mana minyak, campuran berminyak atau cemar laut telah dilepaskan.

Fasal 13 Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil sebarang langkah bagi melindungi garis pantai Malaysia serta kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengannya apabila terjadi pencemaran berikutan daripada bencana laut di zon ekonomi eksklusif.

Berkenaan dengan penyelidikan saintifik laut Bahagian 5 Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa sesuatu penyelidikan hanya boleh dijalankan dengan persetujuan Kerajaan dan mengikut syarat-syarat yang tertentu. Dalam perkara ini Konvensyen Undang-undang Laut menggambarkan kehendak negara bagi meningkatkan kelengkapan diri dari segi ekonomi melalui pengetahuan dan kecekapan saintifik.

Di bawah Fasal 18 dan 19 adalah menjadi kewajipan negara-negara atau badan-badan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan saintifik laut di zon ekonomi eksklusif untuk membekalkan maklumat yang tertentu tentang projek-projek mereka dan juga laporan-laporan dan keputusan-keputusan yang dicapai. Untuk menggalakkan pindah milik, pengetahuan dan teknologi kepada pihak Malaysia, penyertaan atau perwakilan pihak Malaysia dalam apa-apa projek penyelidikan saintifik laut juga diperuntukkan.

Kerajaan juga diberi kuasa untuk menggantung atau memberhentikan apa-apa aktiviti penyelidikan laut di mana syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 20 tidak ditunaikan.

Bahagian 6 Rang Undang-undang pula menghalang pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan, pemasangan-pemasangan dan struktur-struktur kecuali dengan kebenaran Kerajaan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan. Kerajaan juga diberi bidangkuasa eksklusif ke atas pulau-pulau buatan, pemasangan-pemasangan

dan struktur-struktur dalam zon ekonomi eksklusif termasuk bidangkuasa mengenai kastam, fisikal, kesihatan, keselamatan dan undang-undang imigresen.

Fasal 22 memberi Kerajaan kuasa menanda arah bagi memasang kabel-kabel dan talian-talian paip bawah laut dan mengenakan syarat-syarat tertentu sebagaimana difikirkan perlu. Apabila kabel-kabel atau talian-talian paip itu telah menjadi tidak berguna atau tidak boleh diperbaiki lagi pemunya kabel-kabel atau talian-talian paip tersebut diwajibkan mengalihkan kabel-kabel atau talian-talian paip itu jika diarah sedemikian oleh Kerajaan.

Bahagian 8 Rang Undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan Rang Undang-undang ini dan juga mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai dalam zon ekonomi eksklusif. Di antara kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam bahagian ini ialah kuasa untuk mengejar buru mana-mana vesel asing yang dipercayai telah melanggar mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai dalam zon ekonomi eksklusif.

Bahagian 9 Rang Undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan penalti, proceeding undang-undang dan pampasan.

Fasal 36 memberi Mahkamah-mahkamah tertentu bidangkuasa untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di bawah Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai.

Fasal 40 menetapkan orang-orang yang bertanggung ke atas kerosakan yang disebabkan oleh keleapan minyak, campuran berminyak atau cemar dalam zon ekonomi eksklusif

dan memperluaskan liability mereka kepada pembayaran pampasan bagi kerosakan yang disebabkan itu.

Fasal 41 di bawah Bahagian 10 memberi kuasa kepada Yang di Pertuan Agong untuk membuat peraturan-peraturan yang menyentuh beberapa perkara yang diperuntukkan di bawah hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia.

Dalam beberapa peruntukan Rang Undang-undang ini rujukan telah dibuat kepada undang-undang bertulis yang terpakai. Rang Undang-undang tersebut ialah undang-undang yang memperuntukkan melalui fasal 42 oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai undang-undang yang boleh dipakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya. Perubahan atau kecualian yang tertentu boleh dibuat kepada undang-undang tersebut sebagaimana difikirkan perlu apabila penguatkuasaan undang-undang itu diperluaskan ke zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya.

Konsep zon ekonomi eksklusif ini boleh diringkaskan sebagai memberi negara-negara berpantai hak kedaulatan dan bidangkuasa ke atas perkara-perkara yang tertentu. Akan tetapi hak-hak yang boleh dipergunakan oleh negara itu hendaklah dipergunakan dengan mengambil kira hak-hak dan kewajipan negara-negara lain di zon itu. Dan adalah tertakluk kepada kebebasan navigasi dan lintas terbang, dengan izin, 'overflight', pemasangan kabel-kabel dan talian paip di bawah air dan kegunaan lautan yang sah dari segi undang-undang antarabangsa.

(Dr Abdul Hamid *mempergunakan Mesyuarat*)

Rang Undang-undang zon ekonomi Eksklusif 1984 telah digubal untuk membolehkan Malaysia mempergunakan hak kedaulatan dan

bidangkuasanya ke atas zon ekonomi eksklusifnya. Juga untuk mencapai keseimbangan di antara hak Malaysia dan kehendak undang-undang antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Rang Undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

4.09 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini maka saya percaya dapatlah kita wujudkan satu kawalan yang lebih teratur dan sistematik terhadap penggunaan perairan ataupun lautan negara kita oleh kapal-kapal asing ataupun vesel-vesel asing.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini melalui peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalamnya dapatlah negara kita bersandar untuk bertindak dengan lebih berkesan serta efektif bagi memelihara kepentingan maritime serta menentu dan memastikan bahawa kedaulatan negara kita akan terjamin dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa sejajar dengan pergolakan baharu yang berlaku sekarang ini di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mempunyai undang-undang kita sendiri sebelum ini iaitu Ordinan No. 7 Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1969 di mana kita telah menuntut kawasan perairan negara seluas 12 batu notika tetapi nyata sekali ianya tidak berkesan bagi menjamin kepentingan negara kita terutama sekali di dalam masalah penggunaan Selat Melaka misalnya oleh kerana Selat Melaka ini di beberapa tempat dan bahagian adanya kawasan-kawasan yang sempit dan tohor, maka ianya juga termasuk dalam perairan kawasan negara jiran kita iaitu Indonesia dan oleh kerana Konvensyen Undang-undang Laut 1982 sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi telah mengekalkan konsep Selat Antarabangsa (International Straits) di mana sungguhpun ada sebahagian Selat Melaka yang merupakan kawasan perairan negara kita tetapi pada masa yang sama ada juga sebahagian daripadanya sebahagian daripada Selat Melaka ini merupakan Selat Antarabangsa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya tumpahan minyak di Selat Melaka dan telah mencemarkan pantai di perairan negara kita, kita tidak boleh bertindak terus kerana jika sekiranya tumpahan minyak ini berlaku dalam kawasan Selat Antarabangsa, kita terpaksa merujuk kepada Undang-undang Antarabangsa bukan kepada undang-undang negara kita sendiri semata-mata. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita terpaksa juga berunding dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan juga Singapura. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, timbullah berbagai-bagai masalah kerana tindakan tidak dapat diambil secara serta-merta terhadap kapal ataupun tuan punya kapal ataupun nakhoda kapal yang berkenaan.

Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, di Laut China Selatan pula ianya mempunyai masalah yang tersendiri. Biasanya kapal yang

berkenaan akan terlepas dari tindakan undang-undang kita kerana laluan yang diambil, yang biasanya diambil adalah lebih daripada 12 batu notika daripada pantai negara kita iaitu di dalam sekitar kawasan lautan dalam (high seas). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini adalah diharapkan masalah sebagaimana yang saya berikan sebagai contoh tadi tidak akan berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang mungkin menimbulkan beberapa masalah dan juga beberapa halangan semasa kita hendak menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah sempadan Zon Ekonomi Eksklusif itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa di beberapa tempat sempadan Zon Ekonomi Eksklusif negara kita mungkin akan bertindih dengan sempadan Zon Ekonomi Eksklusif negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan mungkin juga Filipina. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah itu. Sungguhpun sebagaimana diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi Konvensyen Undang-undang Laut 1982 telah pun menetapkan cara-cara bagaimana harus dicapai bagi menyelesaikan masalah ini iaitu melalui semangat kerjasama dengan cara membuat peraturan sementara tentang garis panduan sempadan itu, tetapi masalah pokok yang ingin saya timbulkan di sini ialah apakah bentuk kerjasama dan persefahaman yang harus diasaskan supaya penyelesaian yang kita capai nanti tidak akan merugikan mana-mana pihak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok ini hendaklah kita selesaikan dengan segera terlebih dahulu sebelum Rang

Undang-undang ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

Perkara yang kedua yang ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri di sini iaitu berhubung dengan masalah Pelantar Benua (Continental Shelf). Konvensyen Laut Antarabangsa 1982 telah pun memberi definisi bagi Continental Shelf atau Pelantar Benua bagi sesuatu negara yang berpantai dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin:

“The continental shelf of a coastal state comprises the seabed and sun soil of the sub-marine areas that extend beyond its territorial sea throughout the natural prolongation of its land territory to the outer edge of the continental margin, or to a distance of 200 nautical miles from the baselines from which the breadth of the territorial sea is measured where the outer edge of the continental margin does not extend up to that distance.”

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh definisi yang saya bacakan tadi, pelantar benua Malaysia negara kita di seluruh tempat sama ada di perairan Selat Melaka mahupun di Laut China Selatan adalah melebihi daripada 200 batu notika. Oleh itu pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif Malaysia adalah bertindih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa kawasan pelantar benua negara kita terutama sekali di Laut China Selatan sekarang ini kerja-kerja ataupun kegiatan-kegiatan mencarigali dan mengeluarkan minyak sedang giat dijalankan. Demikian juga kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan gas sedang giat dijalankan dan telah pun mendatangkan hasil yang banyak kepada negara. Tetapi mengikut Rang Undang-undang ini usaha carigali minyak dan gas tidak boleh melebihi jarak 200 batu notika sungguhpun

ianya terletak di dalam pelantar benua negara kita sebagaimana definisi tadi dan jika sekiranya kita berbuat demikian, kita akan dikenakan bayaran oleh Badan Berkuasa di bawah Konvensyen Undang-undang Laut, 1982 yang saya sebutkan tadi. Ini mungkin akan merugikan negara kita dari segi punca untuk mendapatkan hasil. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji akan masalah ini supaya kita tidak mengalami sebarang kerugian apabila Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini dikuatkuasakan kelak.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan di sini iaitu kuasa menahan vesel ataupun kapal. Fasal 15 sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi telah pun memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk menahan mana-mana vesel ataupun kapal yang melakukan pencemaran dalam kawasan zon ekonomi eksklusif kita, tetapi mengikut subseksyen (2) dalam Fasal yang sama pula, ia mengadakan peruntukan supaya sekuriti boleh dibayar dan apabila sekuriti ini dibayar vesel ini boleh dilepaskan. Soalan yang saya ingin bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, apakah pencemaran yang dilakukan oleh kapal asing ini, yang dilakukan di dalam kawasan perairan negara kita, yang telah merosakkan pantai negara kita dan mungkin telah merugikan ekonomi negara kita, dapat kita bebaskan kapal ini dengan hanya kapal itu membuat satu bayaran sahaja. Saya mencadangkan supaya kapal ini kita tidak benarkan terus menggunakan perairan kita. Saya rasa itu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat dan yang akhir sekali yang ingin saya bangkitkan, saya terdengar tadi Yang Berhormat Menteri

mengatakan dalam Bahagian VIII Rang Undang-undang ini mengenai masalah kuasa kejar buru. Jadi dalam Fasal yang berkenaan kuasa telah pun diberi kepada kita ataupun kepada mana-mana pegawai untuk mengejar buru mana-mana kapal ataupun vesel yang melanggar mana-mana peruntukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah akan terjadi kepada kapal yang berkenaan apabila ianya termasuk dalam kawasan zon ekonomi eksklusif negara lain. Dan mengikut Konvensyen 1982 mengatakan kita terpaksa mendapatkan kebenaran negara yang berkenaan pula untuk kejar buru kapal yang berkenaan.

Jadi di sini masalah kekesanan dari segi kuatkuasa di bawah peruntukan ini agak tidak begitu kemas, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri akan mengkaji kesan kedudukan ini supaya dengan adanya Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada perairan negara kita dan juga kepada rakyat kita pada keseluruhannya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.28 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):
Saya bangun untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dipinda dengan meninggalkan perkataan "sekarang" dan menambah di hujungnya "enam bulan dari hari ini".

Di bawah Peraturan Mesyuarat 53 (4) saya dikehendaki memberi pemberitahu bersurat sekurang-kurangnya sehari bagi pindaan ini tetapi saya tidak dapat berbuat

demikian kerana saya hanya melihat Aturan Urusan Mesyuarat yang memuatkan urusan Parlimen pada petang semalam. Saya pasti ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hanya dapat melihat Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Dengan demikian adalah amat mustahil bagi mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin menggunakan Peraturan Mesyuarat 53 (4) untuk mematuhi kehendaknya itu dan itulah sebabnya saya telah menghantar pemberitahu saya mengenai hasrat saya untuk menggunakan Peraturan Mesyuarat 53 (4) pada pagi ini.

Maka atas alasan ini sahaja pembacaan kali kedua Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif adalah out of order. Amat tidak berparlimen serta mencabuli segala Konvensyen Parlimen kerana bukan sahaja saya bahkan Ahli-ahli Parlimen pada amnya telah dinafikan peluang untuk menggunakan hak Parlimen untuk menguatkuasakan Peraturan Mesyuarat 53 (4) yang memerlukan pemberitahu sekurang-kurangnya sehari sekiranya mereka berhajat berbuat demikian.

Dalam pada ini ingin saya membantah dengan sekeras-kerasnya amalan yang tidak diingini yang diamalkan kini di mana Ahli-ahli Yang Berhormat hanya tahu apakah Aturan Urusan Mesyuarat bagi sesuatu mesyuarat Dewan Rakyat yang berlanjutan selama 2 bulan atau 4 minggu pada hari pertama mereka datang ke Parlimen. Dewan-dewan Undangan Negeri menghendaki Ahli-ahli Dewan Negeri diberitahu tentang Aturan Urusan Mesyuarat yang bakal dipertimbangkan dalam Dewan Negeri sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Dewan Negeri bermesyuarat dan tidak ada sebab mengapa Parlimen tidak harus berbuat demikian. Malah semangat dan tujuan di sebalik Peraturan Majlis Mesyuarat jelas memerlukan pemberitahu

terlebih dahulu akan Aturan Urusan Parlimen yang perlu dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen kerana kalau tidak mereka tidak akan dapat menggunakan hak-hak Peraturan Mesyuarat seperti Peraturan Mesyuarat 53 (4). Oleh yang demikian, saya meminta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling bahawa akan menjadi out of order untuk terus membaca Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif bagi kali kedua hari ini kerana Ahli-ahli Parlimen tidak dapat menggunakan Peraturan Majlis Mesyuarat 53 (4) yang memerlukan pemberitahu sekurang-kurangnya sehari. Bacaan kali kedua Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif hendaklah dibaca seawal-awalnya esok untuk mematuhi Peraturan Majlis Mesyuarat.

Sekiranya Yang di-Pertua membuat keputusan bahawa adalah tidak out of order untuk meneruskan dengan pembacaan kali kedua Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, maka saya harus dibenarkan meminda masalah di hadapan Dewan untuk menggunakan bacaan kali kedua Rang Undang-undang ini selepas enam bulan dari sekarang seperti diperuntukkan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 53 (4), walaupun saya telah dinafikan peluang untuk mematuhi pemberitahu bersurat sekurang-kurangnya sehari ini.

Saya tidak ingin untuk membahaskan Rang Undang-undang tersebut di sini kerana saya ingin membahaskan selepas mendengar rakan-rakan atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuk Yang Berhormat dari Kuching dan Kuala Lumpur Bandar dahulu.

Saya hanya ingin menghadkan hujah-hujah saya kepada soal mengapa bacaan kali kedua Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif harus dibuat enam bulan dari sekarang mengikut peraturan. Sebenarnya sebulan pun saya

bersetuju. Pada 25hb April 1984, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan zone ekonomi eksklusif 200 batu nautika dengan mempunyai: (a) hak-hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam, sama ada kehidupan atau bukan kehidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjasean, dan mengenai aktiviti-aktiviti lain bagi pengeksploitan emokonomi dan penjelajahan zon, seperti pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin; (b) bidang kuasa mengenai: (i) penubuhan dan penggunaan pulau buatan, pemasangan dan struktur; (ii) penyelidikan saintifik laut; (iii) perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut.

Beberapa tahun sebelum pengisytiharan di Raja dibuat di tahun 1980, Jemaah Menteri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tindakan Negara bagi zon ekonomi eksklusif di bawah kordinasi Kemenerian Luar Negeri. Ini bererti bahawa Kerajaan mengambil masa sekurang-kurangnya 5 tahun untuk menyediakan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif. Tetapi apa yang memeranjatkan ialah Kerajaan menyangka Ahli-ahli Parlimen mengkaji dan membahaskan Rang Undang-undang ini dalam jangka masa 5 hari sahaja. Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak langsung tidak dapat notis 5 hari pun. Kerajaan hendaklah memberi hormat yang lebih kepada Ahli-ahli Parlimen dengan memberi mereka masa yang cukup untuk mengkaji Rang Undang-undang yang dicadang sebelum meminta perbahasan, khasnya Rang Undang-undang yang rumit seperti Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif. Oleh kerana Rang Undang-undang ini dibentang untuk bacaan kali pertama dalam mensyuarat Parlimen bulan Julai, mengapa Rang Undang-undang ini tidak diberi

kepada Ahli-ahli Parlimen dengan cukup masa bagi mereka mengkaji memandangkan begitu rumit Rang Undang-undang ini.

Saya kira bahawa selepas publisiti buruk yang menimpa Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen akibat Rang Undang-undang (Pindaan) Undang-undang Civil di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri mengikut satu laporan mendapat tahu tentang Rang Undang-undang tersebut sehari sebelum beliau membentangkannya, semua pihak patutlah mempelajari daripada peristiwa itu dan bersikap lebih serius tentang tugas dan tanggungjawab mereka. Tetapi nampaknya kita sudah bersedia untuk menghasilkan satu lagi peristiwa yang tidak beruntung tentang Parlimen dalam hal perbahasan atas Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 oleh kerana sudah nyata sekali bahawa tidak boleh dapat pun sebilangan kecil Ahli-ahli Parlimen yang tahu apakah Rang Undang-undang ini meliputi oleh kerana tidak diberi masa yang cukup untuk mengkajinya. Kita hanya akan mengulangi fiasko Rang Undang-undang (Pindaan) Undang-undang Civil di mana Ahli-ahli Parlimen akan meluluskan Rang Undang-undang yang mereka tidak faham keseluruhannya dan tidak mempunyai masa untuk membiasakan diri dengannya.

Mana-mana Ahli Parlimen yang conscientious, yang ingin tahu apa yang sepatutnya diutarakan dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini, terpaksa merojok kepada perbagai bahan bacaan mengenai persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu. Bukan sahaja persidangan ketiga Undang-undang Laut yang telah mengambil masa lebih 10 tahun tetapi juga persidangan pertama Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut yang diadakan dalam tahun 1958 serta juga

persidangan kedua Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1960.

Saya ingin bertanya berapa ramaikah Ahli-ahli Parlimen yang telah melihat, bahkan membaca Convention Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 yang mengandungi 17 bahagian, 320 Rencana atau Artikel dan 9 Lampiran (Annexes) yang meliputi subjek-subjek seperti territorial sea, selat-selat seperti Selat Melaka yang digunakan untuk international navigation, negara-negara archipelago yang menjejaskan Malaysia, zon-zon ekonomi eksklusif, pelantar-pelantar benua, lautan-lautan yang kesemua ini adalah berkaitan dengan Rang Undang-undang yang di hadapan kita di Dewan ini pada hari ini.

Sekiranya Parlimen cuma sebuah Dewan rubber stamp dan tidak perlu Ahli-ahli Parlimen tahu langsung tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan mereka kecuali berteriak "Ya" dan meluluskannya, itu lainlah hal. Akan tetapi sekiranya Parlimen adalah bertujuan menjadi sebuah badan perundangan yang perbincangan yang serius yang merupakan kemuncak sistem demokrasi berparlimen kita, maka Ahli-ahli Parlimen hendaklah menyertai secara aktif dalam proses perundangan dan seharusnya melibatkan pengkajian serta perbincangan bijak ke atas Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan. Tidak boleh wujud perbincangan yang bijaksana sekiranya Ahli-ahli Parlimen tidak mempunyai masa untuk mengkaji ramifikasi luas sesuatu Rang Undang-undang. Inilah sebabnya mengapa saya mencadangkan supaya perbincangan ke atas Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini ditangguhkan 6 bulan dari sekarang dan saya harap bahawa satu ruling boleh dibuat dan

kalau itu ruling dibuat dan boleh teruskan perbincangan, saya kemukakan cadangan pindaan saya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Dr Abdul Hamid Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membawa satu cadangan bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 53 (4), dengan ini diberitahu beliau akan mencadangkan pindaan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang berhubung dengan Rang Undang-undang Zon Ekonomi eksklusif dengan ditinggalkan perkataan "sekarang" dan ditambah di hujung masalah itu "enam bulan dari hari ini". Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memberi huraianya terhadap masalah ini. Cadangan ini telah disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 53 (4) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berbunyi demikian:

"Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang kedua, maka boleh dicadangkan pindaan yang mana telah diberi pemberitahu dengan bersurat sekurang-kurangnya satu hari kepada masalah, 'Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang' itu dengan ditinggalkan perkataan 'sekarang' dan tambah di hujung masalah itu, 'enam bulan dari hari ini', atau ganti daripada itu boleh dicadangkan suatu pindaan untuk meninggalkan semua perkataan-perkataan 'iaitu' kerana hendak ditambah perkataan-perkataan bagi menyatakan tujuan dan sebab-sebab dibangkitkan Rang Undang-undang itu, tetapi perkataan-perkataan yang hendak ditambah itu mestilah berkaitan

betul-betul dengan asas Rang Undang-undang dan tidak mengenai butir-butirnya”.

Jika Majlis bersetuju dengan salah satu pindaan demikian ini maka bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu akan disifatkan tidak disetujukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta ruling daripada saya dalam masalah ini. Setelah memikirkan secara mendalam lagi teliti, dan berasaskan Peraturan Mesyuarat 27 (3) yang berbunyi:

27. (3) Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dan perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 86, apa-apa usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memadai dengan dikeluarkan pemberitahu tujuh hari sahaja terlebih dahulu, dan pula jika Tuan Yang di-Pertua puas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Menteri iaitu bagi faedah orang ramai sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya maka memadai dikeluarkan pemberitahu itu satu hari sahaja terlebih dahulu”.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah meneliti huraian yang dibangkitkan, setelah meneliti Peraturan-peraturan Mesyuarat yang berkenaan adalah menjadi pendapat saya dan saya memutuskan bahawa Peraturan Mesyuarat tidak memberi kuasa kepada saya membenarkan usul daripada Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka. Sila teruskan perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Ini saya mahu minta penjelasan ini bererti bahawa cadangan saya tidak

dibenarkan oleh kerana tidak mematuhi dengan peraturan yang memerlukan sehari notis untuk pindaan kepada usul. Jikalau begitu saya tadi pun ada minta satu ruling sama ada teruskan perbahasan atau bacaan kedua Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini adalah out of order. Oleh kerana sebab saya tidak boleh memberi satu hari notis kepada Tuan Yang di-Pertua, yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 53 (4) ialah oleh kerana saya dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat baru dapat Aturan Urusan Mesyuarat atau Order of Business hari ini ataupun semalam—hari Ahad, dan tentulah tidak boleh untuk sesiapa untuk memberi sehari notis.

Kalau begitu bukanlah terus bacaan kedua Rang Undang-undang ini ialah out of order dan second reading ini patut ditangguhkan sehingga besok. Jikalau tidak, Peraturan Mesyuarat kita tidak bererti.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan telah diminta pendapat saya sama ada perbahasan diperingkat bacaan kali kedua ini adalah out of order atau tidak.

Maka saya telah memutuskan tadi bahawa saya tidak diberi kuasa oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat menerima pemberitahu yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka. Maka saya menolak pemberitahu ini dan menganggap bahawa cadangan pindaan yang dikeluarkan tadi tidak berasaskan satu pemberitahu yang dikeluarkan dalam jangka masa sepertimana dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat yang sedia ada. Maka adalah menjadi pendapat saya bahawa sah perbahasan diperingkat bacaan kali kedua diteruskan. Sila Yang Berhormat dari Jerantut.

4.46 ptg.

Wan abu Bakar bin wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang baru sahaja dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan Akta ini serta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah pun membawa Akta yang sangat penting dari segi perkembangan terutamanya satu lagi kawasan ekonomi ataupun dari segi keselamatan iaitu Zon Ekonomi Eksklusif Negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua telah membuat ruling sebentar tadi tetapi saya fikir sebagai membetulkan rekod di Parlimen ini, saya ingin merujuk kepada surat daripada Setiausaha bagi Parlimen bertarikh 29hb September, 1984 yang membuktikan bahawa kita telah diberi masa yang cukup untuk membaca Akta Zon Ekonomi Eksklusif yang sekarang sedang dibahaskan. Surat ini bertarikh 29hb September, 1984 ditandatangani oleh Encik Ghazali bin Haji Abdul Hamid, bagi pihak Setiausaha bagi Parlimen.

Saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk membacakan surat ini yang sekali gus membuktikan bahawa semua Ahli-ahli Parlimen telah mendapat dengan lebih awal Akta ini untuk membuat kajian. Dan dengan itu tuduhan daripada Ketua Pembangkang tadi bahawa kita ini menjadi satu rubber stamp sahaja adalah sangat dikesalkan.

"Per: Rang Undang-undang

Dengan hormatnya saya memaklumkan iaitu saya diarah menghantar bersama ini Rang Undang-undang yang berikut untuk

pertimbangan Dewan Rakyat yang akan bermesyuarat mulai 8hb Oktober, 1984:

- (1) Dr 30/84 Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984.
- (2) Dr 29/84 Rang Undng-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.
- (3) Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) 1984".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tuduhan yang begitu adalah sangat tidak tepat. Kita telah mempunyai masa yang cukup, hanyalah jika sekiranya kita mengutamakan tugas-tugas sebagai Ahli Parlimen maka saya nampak tidak ada sebab bagi kita menyatakan kita tidak diberi masa yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada Akta yang dalam perbahasan iaitu Akta Zon Ekonomi Eksklusif. Memanglah tepat masanya dan sudah sampai waktunya bagi Akta ini dibentangkan memandangkan pentingnya supaya ada satu-satu Akta yang boleh menguruskan soal zon ekonomi eksklusif bagi negara kita, dan ini lebih penting kepada dua perkara bagi negara kita ini.

Yang pertamanya adalah disebabkan negara kita Malaysia baik Tanah Melayu ini ataupun Malaysia Barat, mahupun Malaysia Timur adalah sebuah negara yang sifatnya negara berpantai, sehinggakan setiap buah dari negeri-negeri di Malaysia Barat dan setiap buah negeri-negeri di Malaysia Timur mempunyai lautnya. Oleh hal yang demikian, ianya sangat penting kita mempunyai satu Akta yang boleh mengawalseliakan (regulate) aktiviti-aktiviti di zon ekonomi eksklusif.

Yang kedua soal negara kita telah menjadi satu negara yang sangat penting pada pandangan dunia, terutamanya menggunakan laut, oleh

kerana kedudukan kita dengan Selat Melakanya sehinggakan Selat Melaka selama beberapa abad telah disebut sebagai Selat yang penting, dan bagi perkapalan merupakan satu jalan yang tangkas bagi perhubungan dari Lautan Atlantik ke Lautan Pasifik. Jadi dua sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan tindakan Kerajaan mengadakan Akta ini adalah sangat tepat dan kena pada masanya. Dan Akta ini lebih-lebih lagi diperlukan dengan beberapa perkembangan yang berlaku di negara kita sama ada baru-baru ini ataupun yang telah lalu. Misalnya, dari segi soal pendudukan haram oleh negara-negara asing seperti yang berlaku di Pulau Amboyna Kecil, bertambahnya kegiatan-kegiatan lanun ataupun bertambahnya pencerobohan daripada nelayan-nelayan asing yang mengakibatkan soal mata pencarian nelayan negara kita yang telah mendatangkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada hasil negara dan pendapatan nelayan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini, saya akan memberikan enam perkara penting yang saya simpulkan seperti yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Yang pertamanya ialah peruntukan Bahagian II, iaitu zon ekonomi eksklusif yang di antaranya di sini menjelaskan:

“4. Hak-hak kedaulatan dalam, dan bidang kuasa ke atas, zon ekonomi eksklusif”.

Tuan Yang di-Pertua, soal kedaulatan negara kita sama ada ke atas bumi dan tanahnya ataupun kedaulatan kita di atas ruang udaranya ataupun kedaulatan negara kita di atas lautan dan pelantar benuanya adalah satu perkara yang tidak boleh kita ambil ringan ataupun satu perkara yang tidak boleh kita pandang perkara kecil.

Kedaulatan negara bermakna kita menyanjung ataupun mendokong satu hak asasi bagi negara kita untuk hidup di dalam dunia ini bersama-sama dengan negara yang lain. Jadi yang demikian, peruntukan ini dengan jelas akan melindungi serta meninggikan kedaulatan negara kita. Apa yang berlaku dari segi pendudukan dan pencerobohan satu wilayah kita di dalam Lautan China Selatan iaitu Pulau Amboyna Kecil yang dalam Sidang Parlimen baru-baru ini menjadi persoalan yang hangat dan menjadi perbincangan di kalangan Ahli-ahli Dewan, adalah satu sejarah yang malang bagi kita. Dengan yang demikian, seharusnya dengan peruntukan Akta ini, selain daripada Akta-akta yang lain, kita telah mempunyai satu cara yang boleh mengawal kedaulatan dan keselamatan negara kita supaya tidak berulang lagi. Di samping itu, saya menyeru kepada satu jalan penyelesaian kepada masalah pendudukan negara asing ke atas Pulau Amboyna Kecil ini dan pulau-pulau yang lain yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keduanya ialah Bahagian III iaitu Perikanan, yang mana dalam Akta ini telah menentukan zon yang menjadi sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia. Yang demikian peruntukan ini menjadi sangat penting, yang mana sebahagian daripada rakyat kita yang mata pencarian mereka bergantung kepada lautan, menjadi nelayan dan ia juga menjadi satu sumber pendapatan negara.

Seperti yang saya sebutkan tadi beberapa peristiwa malang yang berlaku baik dahulu dan juga sekarang, ataupun sehari dua yang lalu kita membaca berita di surat khabar, beberapa terumbu ataupun sarang tempat pembiakan ikan di Kelantan dimusnahkan oleh nelayan-nelayan daripada negara asing yang menggunakan bot-bot yang lebih laju

dengan kelengkapan-kelengkapan yang lebih baik, dan ianya memusnahkan berpuluh-puluh juta ringgit, yang mempunyai alat-alat ini ialah nelayan-nelayan kita yang merupakan nelayan-nelayan kecil yang tidak mempunyai modal yang banyak. Jadi dengan peruntukan dalam Akta ini, saya berharap bila dikuatkuasakan, kita akan dapat memberikan perlindungan kepada nelayan-nelayan kita dalam soal mencari pendapatan atau mata pencarian mereka.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, iaitu peruntukan Bahagian IV, Perlindungan dan Pemeliharaan Alam Sekitar Laut. Di antara peruntukannya ialah hak kedaulatan Malaysia untuk mengeksploit sumber-sumber alamnya. Seperti yang termaklum dalam ucapan pembentangan Akta ini sebentar tadi oleh Menteri yang berkenaan, bahawa negara kita mempunyai sumber alam yang sangat kaya daripada bahan minyak petroleum, gas sehinggalah kepada bahan-bahan kehidupan laut. Oleh hal yang demikian, maka setiap inci daripada kawasan kita, yang termasuk dalam zon ekonomi eksklusif ini, perlulah diberikan perlindungan dan satu perkara sekarang yang merupakan satu aktiviti penting ekonomi negara kita ialah soal carigali dan pengerudian minyak dan juga gas.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan dalam hal ini, dari segi soal carigali minyak dan menggerudi minyak serta mengeluarkan minyak itu yang menjadi hasil negara ialah kegiatan-kegiatan yang berkaitan. Dengan perkembangan teknologi baru dari segi soal carigali dan pengerudian minyak, saya mendapat maklum bahawa walaupun seseorang itu menggerudi minyak di luar kawasan kita, nampaknya di atas bumi dikeluarkan di kawasan kita, tetapi dengan perkembangan teknologi baru ini, mereka boleh mencondongkan

degree ataupun darjah saluran gerudi minyak itu sehingga boleh memasuki zon ekonomi kita.

Jadi inilah saya hendak menarik perhatian Kerajaan iaitu kita mempunyai banyak jiran di negara-negara yang berhampiran, baik negara kecil ataupun jiran kita itu negara yang besar, jadi Kerajaan haruslah memerhati yang berkuasa berkenaan dengan carigali minyak ini, memerhatikan kegiatan ini supaya orang menggerudi atau mencarigali minyak di kawasannya yang pelantarnya nampak di kawasannya, kita kena perhati juga, mungkin dia menggerudi dan menggali minyak di kawasan zon ekonomi eksklusif kita.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat iaitu Bahagian V berkenaan dengan Penyelidikan Sainifik Laut. Dalam peruntukan ini seperti yang telah diterangkan haruslah mendapat kebenaran daripada Kerajaan kita jika ada pihak-pihak yang ingin menjalankan penyelidikan saintifik laut yang termasuk dalam Zon Ekonomi Eksklusif kita. Saya memandangkan perkara ini sebagai satu perkara yang sepatutnya perkara yang sangat perlu bagi kita dan oleh kerana penyelidikan memerlukan tempat, baik dia saintifik ataupun kajian dan sebagainya, oleh yang demikian tempat menjadi satu faktor yang penting. Jadi mungkin selama ini kita memandangkan perkara yang ringan bila orang hendak membuatkan kajian ataupun penyelidikan saintifik di kawasan kita. Mulai hari ini dengan adanya Akta ini kita mendapat satu pandangan baru bahawa rupa-rupanya penyelidikan saintifik laut ini adalah sangat penting dan kalau dilakukan di kawasan kita, kita mesti mengawalinya, kita mesti mendapat hasil kajiannya yang seterusnya kita boleh menggunakan hasil kajian ini untuk kepentingan kita juga.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin memetik satu contoh penyelidikan saintifik ini tentang dari segi pemeliharaan udang (prawn culture) yang mana di Pantai Barat Malaysia Barat adalah merupakan satu kawasan yang sangat baik dari segi pembiakan udang ini dengan secara "prawn culture" yang mana ada orang yang membuat penyelidikan ini yang akhirnya mereka mempunyai satu pengetahuan yang sangat tinggi tentang kemahiran tersebut dan sekarang ini telah membuat satu pusat penyelidikan di negara lain pula, saya namakan di sini iaitu negara Jepun. Dengan penyelidikan di tempat kita, dia telah membuat satu pusat penyelidikan ataupun institusi latihan di negara Filipina yang menyebabkan sekarang kalau kita hendak belajar, kita terpaksa pergi ke negara Filipina. Jadi ini satu contoh bahawa mengawal perkara ini adalah sangat penting untuk faedah negara kita.

Kemudian yang kelimanya, iaitu Bahagian VI—Pulau-pulau, Pemasangan dan struktur-struktur Buatan. Ini samalah seperti yang saya bangkitkan dalam masalah yang ketiga tadi iaitu soal perlindungan dan pemeliharaan alam.

Yang akhir sekali ialah saya berbalik kepada Fasal 4 tadi, Pemeliharaan Alam Sekitar Laut. Seperti yang saya sebutkan Selat Melaka menjadi satu penghubung penting di antara Lautan Atlantik ke Lautan Pasifik, yang demikian ia dilalui oleh berbagai-bagai jenis kapal yang bawa minyak, yang bawa kapal perang, yang bawa berbagai-bagai perkara dalam kapal mereka dan sering terjadi pencemaran alam. kapal pecah minyak pun keluar dan sebagainya dan pencemaran ini merosakkan rakyat negara ini. Pantai-pantai kita tidak menjadi bersih lagi, kehidupan-kehidupan laut makan berkurangan kerana pencemaran tersebut dan peruntukan dalam Akta ini saya alu-alukan yang mana kita

mempunyai kuasa untuk menahan Kapal-kapal tersebut, seperti fasal yang berkenaan iaitu Fasal 15 Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk menahan kapal-kapal yang telah melakukan pencemaran ini. Yang demikian ia mengurangkan dari segi pertelingkahan kita, dari segi soal siapa yang benar dan siapa yang salah dalam soal ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan seperti yang pernah saya berucap dalam Dewan ini, kita membuat Akta, Undang-undang, Peraturan-peraturan. Selain daripada peruntukan-peruntukan itu ada lagi yang lebih penting, iaitu dari segi penguatkuasaan kerana penguatkuasaan inilah yang akhirnya akan menentukan Akta-akta kita itu dipatuhi. Jadi Jabatan yang berkenaan dengan urusan ini perlulah dari sekarang mengambil perhatian untuk mewujudkan satu "team" ataupun pasukan penguatkuasaan yang baik dan pada bila-bila masa bersedia untuk menjalankan tugas penguatkuasaan ini demi untuk menjayakan peruntukan Akta ini yang kita telah tahu kebaikannya seperti yang telah dibentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Menglembu.

5.06 ptg.

Tuan Yew Foo Weng (Menglembu):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap terhadap Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan izinkan saya memberi sedikit-sebanyak pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai tujuan yang baik, saya memberi sokongan

penuh terhadapnya, namun demikian, terdapat juga beberapa perkara yang merunsingkan. Kita mempunyai kawasan pantai yang begitu panjang, kita juga tidak mempunyai satu angkatan laut atau polis laut yang besar. Agensi-agensi perlindungan alam sekitar kita yang terdapat di negara kita adalah juga kecil pada perbandingannya sungguhpun peranan yang dimainkan oleh mereka mendapat sedikit tumpuan setelah kejadian di Papan dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan di hadapan kita ialah bagaimanakah kita dapat menentukan bahawa peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dapat dipatuhi. Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sedar tentang kegiatan-kegiatan yang dijalankan di dalam perairan persekitaran negara kita. Kegiatan-kegiatan ini kebanyakannya adalah kegiatan industri-industri gas dan petroleum. Dalam keadaan yang seumpama ini bagaimanakah kita dapat menentukan keselamatan perairan persekitaran negara kita dari segi pengeluaran ataupun cerucuk, seperti yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini, oleh mereka yang terlibat di dalam kegiatan carigali ataupun pengangkutan. Apakah peruntukan-peruntukan yang diberi kepada mereka yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

Jelas sekali bahawa peruntukan sekarang tidak mencukupi, seperti yang dinyatakan dalam para yang terakhir "Nota Penjelasan" yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini. Saya ambil petikan yang menyatakan:

"Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan di dalam perbelanjaan kewangan yang bertambah yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini."

Memandangkan kepada ketegangan kewangan, saya kurang faham bagaimana kita akan dapat membiayai perbelanjaan yang bertambah supaya menentukan bahawa peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedar bahawa kaum nelayan kita sentiasa diancam di dalam laut. Ada antara mereka yang menghadapi rompakan alat-alat mereka dan ada juga antara mereka di mana mata pencarian mereka dimusnahkan sama sekali. Kami sentiasa membaca tentang langkah-langkah yang diambil supaya melindungi kaum nelayan kita dengan mengadakan keselamatan di persekitaran perairan kita. Namun demikian, kita masih membaca tentang keganasan yang dilakukan terhadap nelayan-nelayan kita dan juga mereka yang terlibat dalam sukan-sukan laut.

Apakah peruntukan-peruntukan tambahan yang akan diadakan untuk menjadikan perairan persekitaran selamat bagi kegunaan rakyat-rakyat kita. Apakah jenis kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan negara-negara jiran untuk menghapuskan keganasan di persekitaran perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Rang Undang-undang ini juga meliputi kawasan-kawasan menangkap ikan, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menerangkan tentang langkah-langkah yang akan diambil supaya memperkukuhkan lagi agensi-agensi penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan ucapan saya, saya pernah menyatakan bahawa kawasan perairan kita adalah begitu panjang. Ada juga antara kawasan-kawasan kita yang dituntut oleh negara-negara jiran. Saya rujuk kepada Pulau Amboina

dan Layang-layang Ato di Laut China Selatan. Pulau Kecil Ato telah pun diduduki oleh sebuah negara musuh sejak tahun 1978 akan tetapi kita belum melakukan sesuatu yang positif untuk merampas semula pulau tersebut ataupun sekurang-kurangnya memerintahkan kuasa asing dan merayukan perkara ini kepada mahkamah dunia. Layang-layang Ato pula diduduki oleh sebuah negara jiran. Perkara ini belum lagi diselesaikan. Sekiranya perkara-perkara ini tidak diselesaikan bagaimanakah kita dapat mengambil tindakan terhadap mereka yang menyeleweng peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang yang dilakukan dalam kawasan-kawasan yang dipertikaikan. Adakah ini bermakna bahawa penyelewengan ini akan dibebaskan daripada sebarang tindakan atas sebab tuntutan yang bertentangan. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, saya memang senang sekali untuk kita menggaris sempadan dan meluluskan undang-undang bagi menyatakan bahawa kawasan-kawasan ini adalah kawasan-kawasan kita. Adalah juga begitu mudah bagi kita mengatakan bahawa tindakan-tindakan akan diambil terhadap mereka yang menyelewengi undang-undang akan tetapi soalnya adalah lain.

Sekiranya kita dapat menghadapi masalah memaksa mereka yang menuntut hak kita sebagai hak mereka sendiri meninggalkan kawasan-kawasan yang mereka tuntutan, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberitahu Dewan yang mulia ini tentang perkembangan tuntutan kawasan Pulau Kechil Ato dan Layang-layang Ato. Mungkin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh menerangkan kepada Dewan yang mulia ini tentang langkah-langkah yang diambil supaya kedua-dua pulau ini dipulangkan kepada negara kita.

Kita mesti tegas terhadap mereka yang menunjukkan kekuatan mereka kepada kita dan mengkibarkan bendera mereka masing-masing. Kalau kita tidak tegas kita akan menggalakkan pihak-pihak lain untuk melakukan perkara yang sama. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tenggaroh.

5.14 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang pada saya antara lain adalah bertujuan untuk memberikan hak kedaulatan kepada negara kita Malaysia ke atas kawasan perairan dan pelantar benua sejauh 321 kilometer di samping untuk memberikan perlindungan kepada para nelayan tempatan daripada ancaman lanun dan penceroboh-penceroboh asing.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibawa dalam Dewan yang mulia ini pada saya tepat pada waktunya di dalam keadaan negara-negara ASEAN pada masa ini sering berbincang untuk mengukuhkan pakatan bagi keselamatan serantau dan pada masa ini juga berlakunya pertindihan tuntutan di Laut China Selatan di antara beberapa buah negara anggota ASEAN dan juga negara-negara yang tidak menjadi anggota ASEAN. Dalam konteks ini kita dapati bahawa kedua-dua perairan sama ada perairan Selat Melaka ataupun perairan Laut China Selatan adalah menjadi laluan baik bagi laluan perdagangan mahu pun laluan ketenteraan.

Saya dapat memberikan data mengenai kekerapan laluan ketenteraan yang lalu di perairan Selat Melaka dan juga di Laut China

Selatan. Daripada data-data tersebut nyata kepada kita bahawa daripada tahun ke setahun perairan kita ini semakin kerap, semakin acap kali dilalui oleh kapal-kapal tentera asing. Saya tak tahu apakah tujuan-tujuan sebenar mereka yang boleh saya sifatkan sebagai menceroboh melalui kawasan perairan negara kita iaitu di Selat Melaka dan di Laut China Selatan.

Contohnya, tahun 1982 perairan Selat Melaka telah dilalui sebanyak 38 kali oleh kapal-kapal tentera daripada Soviet Rusia dan juga Amerika dan angka ini bertambah kepada 75 kali pada tahun 1983. Ini merupakan suatu pertambahan yang pesat dan jika sekiranya perkara ini tidak kita perhitungkan, tidak kita pertitikberatkan, tidak kita selidiki sedalam-dalamnya, apakah sebab, apakah punca dan mengapakah mereka lalu di kawasan perairan kita, saya khuatir suatu hari nanti mudah bagi mereka untuk menceroboh kedaulatan dan kemerdekaan negara kita.

Di samping itu, jika sekiranya perkara ini tidak kita pertitikberatkan maka saya khuatir bahawa kedua-dua kuasa besar ini akan mencetuskan pertelingkahan sehingga menyebabkan peperangan sesama mereka di mana di dalam keadaan tersebut kita sebagai sebuah negara yang kecil akan menerima bencana dan akibatnya sesuai dengan kata peribahasa—gajah sama gajah berjuang, kita pelanduk mati tersepit di tengah-tengah. Oleh hal yang demikian Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus bertegas menyatakan pendiriannya kepada dunia antarabangsa agar kuasa-kuasa ini memberikan penghormatan, menghormati kedaulatan dan kemerdekaan negara kita dan setiap pencerobohan terhadap perairan negara kita akan sama-sama kita kutuk.

Di samping itu pula rakyat di dalam negara ini hendaklah dengan tidak berbelah bagi lagi memberikan sokongan kepada Kerajaan di dalam menjaga dan memelihara kedaulatan kawasan perairan kita. Di dalam hubungan ini dan bersesuaian dengan keadaan politik negara kita pada masa ini, ingin saya melahirkan perasaan kesal dan kecewa saya terhadap beberapa pertubuhan politik di dalam negara ini yang tidak langsung mahu mempertikaikan, memikir dan menyatakan sokongan mereka kepada Kerajaan di dalam menghadapi masalah pencerobohan perairan kita.

Parti-parti politik terutamanya parti Pembangkang yang pada masa ini secara terus terang mengeluarkan isu-isu untuk membangkitkan masalah-masalah yang boleh mewujudkan perpecahan antara kaum di dalam negara kita ini, membangkitkan isu yang boleh memecah belahkan ummah di dalam negara kita. Pada saya isu pencerobohan ini adalah lebih penting daripada isu politik yang diterbitkan yang sering dilaungkan oleh parti-parti Pembangkang yang berkenaan dan di dalam konteks ini saya menyarankan supaya mereka setidak-tidaknya memberi keinsafan mereka bahawa keselamatan negara adalah lebih penting dari segala-galanya. Menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara adalah lebih penting daripada memuakkan hawa nafsu politik masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara kedua iaitu bahagian 3, muka surat 11, bidang perikanan seperti yang dicatatkan di dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini yang dibentangkan sekarang. Kita tahu bahawa kawasan perairan kita Selat Melaka dan Laut China Selatan adalah merupakan kawasan pembiakan ikan dan di dalam kawasan-kawasan tersebut terdapat ramai para nelayan menangkap ikan.

Saya datang daripada kawasan yang bolehlah saya katakan majoriti penduduknya ke laut menangkap ikan. Daripada maklumat yang saya terima, daripada nelayan-nelayan tempatan mereka menyatakan bahawa kawasan ini juga sering dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing. Pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing ini bolehlah kita anggapkan sebagai suatu pencabulan yang tidak mempunyai peri kemanusiaan. Tujuan dan hasrat ataupun cita-cita nelayan asing ini hanyalah untuk mengaut bahan-bahan laut tanpa mengambil kira pembiakan-pembiakan ikan di laut. Ringkasnya kata pepatah, kalau membujur lalu, melintang patah. Banyak aduan tentang perkara ini dikemukakan dan oleh kerana ianya dikemukakan, maka saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan bertindak terhadap pencerobohan-pencerobohan ini.

Bahagian keenam, Tuan Yang di-Pertua, muka surat 20, pulau-pulau perpasangan dan struktur-struktur buatan. Tiada seorang pun boleh membina, mengendali atau menggunakan mana-mana pulau perpasangan atau struktur buatan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua melainkan dengan kuasa Kerajaan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakanya dan seterusnya.

Kita tahu bahawa perairan kita mengandungi banyak pulau, kalau di Kedah dan di Perlis terkenal dengan Pulau Langkawinya berpenduduk, di Perak dengan Pulau Pangkornya juga berpenduduk, di Melaka dengan Pulau Besarnya berpenduduk, di Johor banyak pulau, Pulau Aur 40 batu lebih ke tengah laut, Pulau Pemanggil 31 batu ke tengah laut, Pulau Sibul, Pulau Tinggi, Pulau Besar, kesemuanya berpenduduk di samping berpuluh-puluh buah pulau kecil-kecil yang lain yang tidak berpenduduk. Di Pahang, Pulau

Tioman 30 batu lebih berpenduduk, Pulau Sribuat dan juga berpuluh-puluh buah pulau lain yang kecil yang tidak berpenduduk. Di Terengganu, Pulau Bidong, Pulau Redang, Pulau Kapas, ada yang berpenduduk dan ada yang tidak berpenduduk.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah sosio ekonomi masyarakat pulau. Di saat-saat akhir ini terdapat suatu trend penghijrahan bagi masyarakat-masyarakat pulau. Dari semasa ke semasa, dari setahun ke setahun semakin ramai penghijrahan berlaku daripada pulau ke darat. Apabila diselidiki dan dikaji punca-punca penghijrahan ini ialah disebabkan mereka inginkan penghidupan yang lebih selesa. mereka ingin memberikan pelajaran yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Mereka tidak sanggup lagi hidup dibendung di dalam keadaan kemiskinan. Mereka sudah puas hidup miskin. Itu sebabnya mereka berpindah ke darat.

Kita dapati perkara ini memang benar. Setengah-setengah pulau yang berpenduduk kurang diambil perhatian oleh Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat pulau. Kalau mereka bekerja sebagai nelayan, kemudahan-kemudahan untuk mereka menangkap ikan. jarang-jarang sampai kepada mereka. Kalau mereka bekerja sebagai petani di Pulau. Jabatan-jabatan Pertanian jarang-jarang sampai ke pulau untuk memberi tunjuk ajar kepada masyarakat pulau ini. tentang cara-cara bertani jenis-jenis tanaman yang sesuai untuk ditanam di pulau-pulau dan bagaimana, cara mana yang lebih baik. lebih mudah bagi mereka untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Akibatnya oleh kerana perkara ini jarang-jarang sampai ke pulau, akibatnya ramai di antara mereka yang masih di dalam lingkungan umur

membolehkan mereka masuk ke rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, mereka memohon masuk rancangan tanah FELDA, kemudian mereka yang tidak sanggup lagi hidup di dalam keadaan miskin di pulau, mereka lari ke darat untuk hidup dalam keadaan yang lebih selesa lagi.

Jika sekiranya perkara ini dibiarkan oleh Kerajaan berlarutan tanpa diambil perhatian dan tindakan wajar, tindakan tegas, maka nescaya pulau-pulau yang banyak di perairan kita ini, terutamanya pulau-pulau yang terletak di perairan Laut China Selatan akan menjadi kosong dan apabila pulau-pulau tersebut kosong amat mudah, bagi penceroboh-penceroboh asing yang memang dikenalpasti selama ini mempunyai niat untuk masuk ke dalam negara kita.

Bunyinya untuk meninggikan taraf ekonomi masyarakat pulau itu mudah tetapi bagi saya implikasi daripada penghijrahan itu sendiri adalah berat dan merupakan satu masalah negara, masalah yang harus kita perhatikan, masalah yang harus kita ambil tindakan dengan seberapa segera yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan, misalnya, Jabatan Pelajaran di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian, Kementerian Perikanan dan agensi-agensi yang bersangkutan di bawahnya, memberi perhatian serius di dalam usaha untuk memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat yang tinggal di pulau-pulau di dalam perairan negara kita. Kita tidak mahu mereka terus menerus berhijrah daripada pulau-pulau ke darat yang akhirnya jika sekiranya penghijrahan itu terus-menerus dibiarkan berlaku, ianya

memudahkan penceroboh-penceroboh asing untuk mendarat, mencabul kehormatan dan kemerdekaan negara kita.

Sekian dan rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 saya menyokong sepenuhnya.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

5.32 ptg.

Dato Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin menghuraikan sedikit atas apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah mengatakan bahawa tidak cukup masa yang diberikan kepada kita untuk mengkaji Rang Undang-undang ini dan sebagainya.

Saya fikir itu tidak benar. Daripada apa yang kita telah mendengar daripada huraian dari Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah bukti bahawa Bil ini telah difahami oleh sebahagian besar Ahli Parlimen dalam Dewan ini yang telah memberikan banyak sumbangan yang berguna dan berkesan atas Rang Undang-undang ini. Dan saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta kita tangguhkan perbahasan Rang Undang-undang selama enam bulan, saya fikir itu tidak adil dan itu hanya mengacau urusan (business) kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Sungguhpun saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya juga ingin menggariskan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa nelayan-nelayan biasa yang menangkap di kawasan perairan kita itu tidak diberi perlindungan yang cukup.

Memandangkan jumlah peristiwa perlanungan yang sering terjadi di sekitar perairan Malaysia, saya mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya undang-undang yang setimpal dirangka untuk membolehkan pegawai-pegawai yang menguatkuasakan undang-undang ini menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Di sini saya ingin memberi satu contoh di kawasan saya yang mana kalau tak silap saya dua tahun dahulu seorang nelayan yang biasa menangkap ikan di Selat Melaka telah hilang dengan tidak ada apa-apa sebab dan kerana anak nelayan itu adalah seorang yang berkaitan dengan Marin Polis, dia memang ada pertolongan daripada pihak Polis untuk mencari bapanya di Indonesia, pada akhirnya bapanya telah dibawa balik ke Semenanjung. Tetapi malangnya pada tahun akhir 1983, bulan Disember, kalau tak silap saya, bapanya sekali lagi hilang apabila dia tolak perahu mungkin sedikit jauh daripada sempadan biasa, itu saya tak dapat pastikan. Tetapi apa yang saya ingin menegaskan di sini ialah bahawa pihak Polis pun tidak tahu ke mana orang itu sudah hilang atau tidak. Daripada laporan yang telah diberikan kepada saya, pihak Polis telah menghantar pegawai yang berkuasa untuk mengkaji perkara itu di sebuah pulau di Indonesia, tetapi nama pulau itu saya tidak tahu.

Malangnya sampai ke hari ini kita memang tidak ada berita langsung atas perkara ini.

Berkaitan dengan perkara ini, Batu Pahat ialah satu bandar yang mana selalu kita menghadapi masalah "illegal immigrant". Dan saya banyak kali berjumpa pihak Polis atas perkara ini dan pihak Polis mengatakan kuasa mereka adalah terhad oleh kerana "loophole" dalam undang-undang kita.

Saya ada pengalaman "first hand" apabila saya telah dibawa dalam satu bot untuk menghantar balik "illegal immigrant" yang telah ditangkap dan apa yang menghairankan ialah hari ini berapa ramaipun orang "illegal immigrant" dihantar balik ke pulau itu, besok atau lusa mereka nampak di bandar Batu Pahat lagi.

Saya percaya mungkin ada satu sindiket yang biasa menghantar orang balik dan pergi. Saya sangat berharap pihak berkuasa boleh memerhatikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh perhatian yang khusus kepada keselamatan orang-orang kita yang bekerja di perairan itu, selain daripada nelayan, sama ada dalam usaha mereka untuk mengeksploitasi minyak di pelantar laut atau bekerja perseorangan sebagai nelayan atau sebagai rakyat biasa yang bersuka ria untuk mengisi hobi atau kepentingan diri mereka seperti berlayar, memancing ikan dan sebagainya dalam masa-masa lapang di mana kesemua mereka itu sentiasa terdedah kepada bahaya dari ancaman-ancaman lanun, penganas serta ancaman-ancaman laut yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menerima banyak laporan mengenai perampasan, pencolekan, pemerasan dan lain-lain bentuk penjenayahan kejam yang telah berlaku di sekitar lautan Malaysia tetapi dukacita dinyatakan bahawa setakat ini tidak ada sebarang penangkapan yang pernah dilakukan ke atas penjenayah-penjenayah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kecurangan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan-kekurangan yang wujud dalam undang-undang kita sehingga mengakibatkan pegawai-pegawai yang berkuasa ke atas undang-undang ini gagal untuk bertindak ke atas penjenayah-penjenayah tersebut.

Sungguhpun buat masa ini kejadian-kejadian itu hanya berlaku ke atas kumpulan-kumpulan individu yang berada dalam perahu tetapi memandangkan bahawa pelantar-pelantar minyak luar pantai telah menjadi suatu pemandangan lazim bersama-sama dengan sebilangan besar rakyat Malaysia yang telah diupah untuk bekerja di sana maka kita tidak boleh menyangkal kemungkinan bahawa pada suatu hari kelak establishment-establishment juga turut diserang oleh ancaman-ancaman laut ini. Saya berasa sungguh takut dan cemas untuk membayangkan akibat-akibat buruk yang akan timbul ialah sekiranya kejadian itu menjadi satu realiti. Oleh sebab ancaman-ancaman ini tidak mempunyai sebarang keraguan tentang siapa yang dibunuhnya maka ramai orang yang tidak berdosa pasti akan menemui maut. Banyak berita telah kita mendengar mengenai kekejaman yang berlaku ke atas pelarian Vietnam di kawasan-kawasan perairan yang sama dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya adalah baik sekali sekiranya kita mengambil tindakan pencegah untuk melindungi orang-orang kita yang sedang bekerja atau bersukaria di kawasan-kawasan ini daripada membiarkan mereka menjadi mangsa kepada risiko-risiko yang telah saya huraikan baru-baru ini. Maksud saya ialah Kerajaan kita sama ada Kementerian Dalam Negeri atau Kementerian Pertahanan harus mengambil langkah-langkah segera untuk mengatur penghantaran rondaan-rondaan yang lebih kerap ke kawasan-kawasan perairan ini supaya dapat mengawal kejadian-kejadian malang tersebut. Pada masa yang sama sebagai hasrat untuk menyediakan perlindungan daripada ancaman-ancaman yang disebut tadi Kerajaan kita juga perlu mengkaji kemungkinan untuk memasukkan satu fasal dalam rang Undang-undang ini atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang untuk melindungi sumber-sumber alam semula jadi telah diperuntukkan tetapi tidak pernah terdengar bahawa harta-harta kekayaan dan objek-objek zaman kuno yang mungkin dijumpai terlantar di dasar laut perairan ini juga diberi perlindungan. salah satu contoh yang paling baik ialah terjumpanya sebuah kapal laut beberapa abad usianya yang tenggelam di luar pantai Mersing baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa sebahagian daripada Laut China Selatan yang menjadi sempadan kepada Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan Selat Melaka adalah perjalanan air bagi kapal-kapal yang popular dan sibuk selama beberapa abad. Kemungkinan bertarikh beribu tahun yang lepas memandangkan kedekatan jaraknya dengan negeri China yang merupakan salah sebuah negara yang paling tua sekali di dunia. Sesiapa pun boleh membayangkan bahawa pada awal zaman tamaddun ini mutu kapal-kapal laut yang dibina adalah betapa rendah tarafnya berbanding dengan mutu kapal-kapal yang dibina pada hari ini. Kemalangan-kemalangan yang lazim berlaku di lautan pada masa itu adalah serupa dengan bilangan kemalangan-kemalangan yang lazim berlaku di lebuhraya-lebuhraya kita dalam zaman moden ini. Berdasarkan anggapan ini sesiapa pun boleh dengan secara logik merumuskan bahawa kemungkinan terhadap artifact yang bernilai terbaring di atas dasar lautan ini di sekeliling pantai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian adalah menjadi tugas kami untuk melindungi harta-harta kekayaan kepunyaan negara kita yang sah di sisi undang-undang. Lantas peruntukan untuk memasukkan perkara-perkara ini seperti nilai bersejarah dan lain-lain bentuk nilai dilakukan ke atas Bahagian 11 Fasal 4 Rang Undang-undang Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh tentang aspek keselamatan di kalangan mereka yang mungkin bekerja atau bersuka-ria di kawasan-kawasan perairan itu dan sekarang saya pula ingin menyuarakan kebimbangan saya terhadap keselamatan mereka yang bekerja di pelantar-pelantar minyak di sepanjang perairan luar pantai kita.

Tuan Yang di-Pertua, Seperti yang kita sedia maklum, pasti terdapat sebilangan besar pekerja yang akan diupah oleh syarikat-syarikat yang menguruskan pelantar-pelantar itu. Tambahan pula memandangkan pertambahan dalam jumlah perjumpaan telaga-telaga minyak sesiapa pun boleh menjangka bahawa lebih ramai orang diperlukan untuk bekerja di perairan ini. Adalah menjadi hasrat saya supaya undang-undang buruh juga dilanjutkan ke kawasan-kawasan ini.

Aspek perikanan telah dimasukkan ke dalam Bahagian 3 dalam kandungan Rang Undang-undang yang dicadangkan tetapi hal mengenai buruh telah diketepikan. Di sini saya mencadangkan supaya itu juga dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang bekerja di pelantar minyak ini adalah sentiasa dalam keadaan tetap "stationary" dan didapati bahawa segala maksud dan tujuan mereka adalah serupa dengan mereka yang bekerja di kilang. Sebaliknya keadaan mereka adalah berbeza sama sekali dengan mereka yang bekerja di atas kapal-kapal tumpangan yang sentiasa berada dalam keadaan bergerak. Di sini hanyalah kepentingan mereka yang bekerja di pelantar-pelantar minyak yang saya fikir dan misalkan dan adalah menjadi kepercayaan saya bahawa mereka ini harus menikmati taraf perlindungan yang biasa

dinikmati oleh mereka yang bekerja di daratan. Atas itu saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.49 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 telah dirangka pada masa yang sungguh tepat di Dewan ini. Saya mengatakan tepat sebab di samping perkara-perkara lain, ia juga menyediakan pengawalan ke atas aktiviti-aktiviti yang berlaku di zon ini dan di pelantar benua.

Buat satu ketika yang lama, nelayan-nelayan kita telah diserang oleh anasir-anasir yang sukar dikawal di laut. Banyak telah kita baca tentang jala-jala ikan nelayan dimusnahkan. Begitu juga dengan kegiatan-kegiatan perlanunan dan tindakan-tindakan ganas lain. Dan kita juga tidak ketinggalan membaca mengenai nelayan-nelayan asing yang menangkap ikan di kawasan-kawasan perairan kita yang sepatutnya menjadi tempat larangan bagi mereka. Selaras dengan Rang Undang-undang baru ini, saya berharap supaya pihak-pihak berkuasa mempertingkatkan usaha mereka untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan serta keamanan kawasan perairan kita bagi kepentingan mereka yang memandang ke laut sebagai sumber kehidupan mereka. Saya telah didorong oleh perenggan terakhir dalam catatan huraian yang berbunyi, "Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini".

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berharap pada ketika Rang Undang-undang ini dijadikan sebuah Akta, kita mempunyai sumber wang yang mencukupi supaya pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan ke atasnya boleh menguatkuasakan peruntukan-peruntukannya. Saya pasti semua Ahli Dewan ini sedar bahawa kita sedang mengadakan satu program mengikat perut (belt-tightening programme). Maka adalah kena dengan tajuk ini saya menyoalkan sama ada unit-unit yang ditugaskan untuk menguatkuasakan undang-undang itu memadai dengan keperluan kita. Kalau tidak mungkinkah mereka ini diperkuatkan? Bolehkah kita andaikan bahawa lebih banyak rondaan akan dilakukan oleh Tentera Laut dan Polis Marin? Kalau unit-unit yang menguatkuasakan undang-undang ini tidak diperkuatkan atau diperbesarkan, bolehkah kita mendapat alternatif-alternatif lain untuk mengadakan pengawalan yang efektif ke atas kawasan-kawasan perairan kita? Tidak usah dikatakan bahawa hanyalah dengan Rang Undang-undang yang mempunyai pengertian yang mustahak, maka barulah memadai bagi penguatkuasaan dilaksanakan.

Kesemua ini membawa saya kepada soalan mengenai pendudukan yang berterusan oleh sebuah negara yang boleh disifatkan sebagai kurang bermesra ke atas Pulau Kecil Amboyna. Telah pun dilaporkan dalam akhbar bahawa pulau kita itu yang terletak di Laut China Selatan telah diduduki oleh jiran kita sejak 1978. Tidak lama kemudian terdapat juga laporan-laporan yang mengatakan bahawa rundingan-rundingan damai sedang berlangsung demi menjamin pengembalian pulau itu kepada kita. Namun demikian, hingga hari ini, kita masih belum mendengar apa-apa berita mengenai perkembangan atau kemajuan dari rundingan-rundingan itu. Saya

berharap Menteri kita yang bertanggungjawab ke atas perkara itu memberitahu Dewan ini mengenai nasib pulau itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada persoalan mengenai kedaulatan Terumbu Layang-layang yang turut terletak di Laut China Selatan. Kelompok pulau ini yang terdapat di luar pantai Sabah telah dituntut oleh sebuah negara jiran yang bermesra dengan kita. Barangkali Menteri yang berkenaan boleh menjelaskan kepada kami mengenai perkembangan-perkembangannya yang terbaru.

Saya sedar akan kepentingan konsep kerjasama serantau dan usaha untuk mengeratkan ikatan-ikatan persahabatan dengan jiran-jiran kita demi memelihara kestabilan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran negara kita dan rantau ini. Tetapi hasrat untuk menjamin kestabilan, kemajuan dan kemakmuran semata-mata tidak seharusnya membawa maksud kita mesti bersiap-sedia untuk mengorbankan kedaulatan kita ke atas kawasan-kawasan kita. Sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain di kalangan sahabat handai dan jiran-jiran mesti wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak patut menyerahkan kawasan-kawasan kita semata-mata atas nama untuk mewujudkan ketenteraman dan memelihara kestabilan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran negara kita. Di sini kita kembali kepada perkara yang telah saya sebutkan tadi bahawa penguatkuasaan dan langkah-langkah perlu diambil untuk memperkuatkan agensi-agensi kita yang ditugaskan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

Kita mempunyai satu sempadan pantai yang panjang untuk dikawal dan saya berharap agensi-agensi yang

dipertanggungjawabkan akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih efektif dengan menangkap mereka yang didapati memperkosai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah mengatakan dengan secara sepintas lalu mengenai pembayaran kurangan negara kita. Terdapat sebuah jurang yang nyata sekali dalam import tak ketara kita. Kita sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperbetulkan situasi ini. Bidang-bidang yang diberi perhatian ialah pelancongan, insurans perkapalan dan beberapa jenis aktiviti lain. Kini negara kita sedang berusaha untuk melancarkan kempen membina rumah tumpangan sebagai satu cara untuk memenuhi keperluan pelancong-pelancong yang melancong ke negara kita dan juga bersiap sedia untuk menghadapi Persidangan PATA 1986 akan datang di mana kita akan menjadi tuan rumah. Sungguhpun demikian masih menjadi satu kebiasaan bagi kita untuk menjumpai pantai-pantai indah di Port Dickson, Pulau Pinang dan tempat-tempat lain yang berada dalam keadaan yang kurang indah dan menarik hati seperti apa yang sepatutnya diharapkan. Oleh sebab pantai merupakan satu bentuk penjualan (selling character) kepada para pelancong, maka adalah wajar sekiranya kawalan-kawalan ketat dilakukan untuk menjaga keindahan laut kita.

Adalah menjadi harapan ikhlas saya bahawa apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, kesemua mereka yang terlibat dengan penjagaan kawasan-kawasan perairan kita dan dalam memastikan supaya tidak ada sebarang pelanggaran akan berlaku ke atas peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini, saya fikir pertambahan dalam perbelanjaan yang telah dijangkakan akan dijustifikasikan.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan pada tahun 1966 Kerajaan telah menggubal dan meluluskan Akta Pelantar Benua 1966, tetapi dengan perubahan masa, Akta ini tidak dapat lagi menampung kehendak-kehendak yang wujud sekarang. Dengan lulusnya Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984, ia akan dapat mengganti dan melengkapkan Akta Pelantar Benua 1966 yang pada asasnya masih berkuatkuasa.

Memandangkan perhubungan rapi antara negara dengan negara dalam bidang ruang udara dan kawasan perairan perikanan, dan dengan adanya kemudahan-kemudahan teknologi, tindakan Kerajaan untuk menggubal dan meluluskan Rang Undang-undang Zon ekonomi Eksklusif 1984 adalah merupakan satu langkah yang bijak.

Sumber alam yang ada pada pelantar benua adalah banyak dan berbagai. Selain daripada ikan dan udang yang banyak, sumber alam yang didapati di pelantar benua termasuklah berbagai logam seperti bijih timah, emas, perak, berlian dan lain-lain. Dengan perusahaan minyak dan gas di kawasan perairan, kekayaan sumber alam laut dapat dilihat dengan lebih jelas dan nyata. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di Laut Sunda buat beberapa tahun kebelakangan ini mencerminkan sumber alam yang kaya yang kita mempunyai.

Di bawah peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Zon Ekonomi eksklusif 1984, negeri kita akan dapat memelihara dan mengawal hak kedaulatan kawasan perairan perikanan dan mencegah sebarang tindakan pencerobohan yang mungkin merosakkan kepentingan ekonomi di zon itu. Dengan zon ekonomi eksklusif ditetapkan, tidak dinafikan kedaulatan Malaysia akan dapat dipelihara dan dikawal dengan lebih sempurna dan berkesan. Pada hemat

saya, kuasa-kuasa yang diberi di bawah Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif adalah reasonable dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, zon ekonomi eksklusif yang diisytiharkan adalah meluas sejauh 200 batu nautika daripada garisan asas. Cara pengiraan ini mungkin akan bercanggah dengan kepentingan negeri-negeri jiran seperti Singapura dan Indonesia. Dalam keadaan ini, negeri kita memang akan mematuhi peruntukan-peruntukan perjanjian yang telah ditetapkan dengan negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, zon ekonomi eksklusif adalah sebahagian daripada kawasan Malaysia. Dengan keadaan demikian, Kerajaan akan dapat menjalankan hak-hak kedaulatan atas zon itu. Di antara lain, Rang Undang-undang Zon ekonomi Eksklusif melarang sesiapa pun tanpa kebenaran daripada mengeksploit apa-apa sumber alam, menjalankan apa-apa kerja penggalian atau pengerudian dan menjalankan apa-apa penyelidikan saintifik laut.

Selain daripada itu, jika sesebuah vesel mencemar zon ekonomi eksklusif dan disabit kesalahan, ia boleh didenda tidak melebihi sejuta ringgit. Adalah diharap hukuman denda yang tinggi itu akan menghasilkan kesan-kesan pencegahan kerana pencemaran kawasan perairan perikanan adalah berkait rapat dengan kepentingan ekonomi dan sumber alam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif adalah berasaskan pada faktor-faktor yang tertentu, terutama kepentingan negeri kita. Oleh yang demikian, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.11 ptg.

Tuan Sim Kuang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Zon ekonomi eksklusif (EEZ), 1984 yang kini dibentangkan.

Walaupun kami dari pihak Pembangkang telah menentang banyak Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan pada masa kebelakangan ini tetapi kali ini saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan oleh kerana mengeluarkan Rang Undang-undang ini yang sesuai dan wajar pada amnya. Ini adalah satu bukti bahawa bukanlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional berhak untuk mempertahankan kedaulatan dan hak-hak asasi ekonomi negara kita sahaja tetapi pihak Pembangkang khususnya pihak DAP akan menyumbangkan kepada usaha untuk mempertahankan faedah-faedah kepentingan negara kita. Tahniah mestilah diberi kepada Kerajaan di mana ianya wajar (to give credit where credit is due). Rang Undang-undang ini akan menganjurkan kepentingan negara kita pada waktu wujud di mana banyak kekeliruan dari segi politik dan undang-undang antarabangsa berhubung dengan hal ini. Mungkin kelulusan Rang Undang-undang ini bersamasama dengan usaha serta penglibatan kita sebagai sebuah negara membangun akan mendorong negara-negara yang lain mencapai satu penyelesaian yang kokoh serta aman terhadap masalah ini secara usaha diplomatik dan perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep zon ekonomi eksklusif adalah satu konsep yang moden yang ditimbulkan pada tempoh tahun 70an sebagai satu compromise di antara tuntutan unilateral di antara negara-negara yang membangun mengenai kawasan-kawasan laut berhampiran pantai

mereka dan satu falsafah tradisi dalam law of the sea, undang-undang laut iaitu freedom of the sea, kebebasan laut. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah membuat peruntukan mengenai zon ekonomi eksklusif dan aspek tertentu pelantar benua Malaysia dan membuat peruntukan mengenai pengawalan aktiviti-aktiviti dalam zon ini. Kawalan pencemaran air, pemasangan kabel-kabel di bawah air, penyelidikan saintifik pencarian minyak dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-undang ini mentafsir zon ekonomi eksklusif negara kita sebagai satu kawasan yang melampau dan di sebelah pantai Wilayah Malaysia dan meluas sehingga sejauh 200 batu nautika atau laut daripada garisan asas (base-line) yang darinya lebar laut wilayah diukur.

Fasal 4 menyatakan takat hak-hak dan kedaulatan Malaysia dari segi kepentingan-kepentingan ekonomi dan saintifik di dalam zon yang diisytiharkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak ada apa-apa kaitan dengan illegal immigrant daripada Indonesia. Rang Undang-undang ini adalah satu pembuatan perundangan untuk merumuskan langkah-langkah untuk mengawal aktiviti-aktiviti mengenai sosio-ekonomi di dalam zon itu. Walaupun ianya mungkin nampaknya tidak begitu kompleks tetapi saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini sebenarnya merupakan suatu undang-undang yang bersejarah. Ini adalah kerana ianya re-assert pengisytiharan dengan unilateral kedaulatan serta hak-hak negara kita terhadap laut terbuka di luar daripada laut wilayah Malaysia khususnya pada masa wujudnya kekurangan persetujuan antarabangsa mengenai undang-undang laut dan zon ekonomi eksklusif. Saya sedar Convention on Law of the Sea yang diadakan pada

tahun 1982 telah ditandatangani dan directifykan oleh beberapa negara, akan tetapi pada masa sekarang tidak ada persetujuan yang multilateral dapat diakui di seluruh negara kita dan kepentingan sosial politik lautan hanya disedari setelah perang dunia kedua. Ianya adalah kerana sebab-sebab berikut:

- (1) Lautan merupakan sumber tenaga. Kedua-dua bagi deposit minyak serta tenaga arus lautan dan angin dan minyak mungkin yang boleh dieksploitasi melalui cara-cara teknologi yang moden.
- (2) Ia adalah sumber makanan serta bekalan protin yang kaya tetapi murah. Saya merujuk kepada ikan.
- (3) Ia merupakan sumber pengetahuan saintifik yang mungkin memegang kunci kepada survival manusia.

Faktor-faktor ini khususnya adalah paling penting bagi sebuah negara seperti Malaysia yang sedang berusaha mencapai keadaan mampu diri di dalam pemakanan dan mencapai dasar ekonomi yang lebih kokoh dalam pengeluaran minyak. walau bagaimanapun, kelulusan Rang Undang-undang ini memang beranjur dari doctrine international iaitu doctrine "mareliberum" atau doktrin bahawa laut adalah bebas dan terbuka. Doktrin tersebut telah dirumuskan kali awal pada tahun 1509 oleh seorang Peguam Sepanyol namanya "De Victoria". Doktrin yang sama telah diperteguhkan oleh pendita Holland, Belanda namanya "Hugo Grotius" pada tahun 1605.

Asas kebebasan laut atau freedom of the sea adalah hakikat bahawa laut seperti juga angkasa ialah warisan manusia bersama yang perlu dinikmati serta diagihkan bersama juga. Lautan

merupakan sesuatu kawasan yang menyeluruh dan tidak dapat dibahagikan.

Awal tahun 1926 Persidangan Undang-undang Antarabangsa (International Law Commission) di persidangan Vienna telah menerima doctrine ini dan Article 1, "Laws of Maritime Jurisprudence in time of Peace menyatakan seperti berikut, dengan izin:

"For purpose of securing the fullest use of the seas, all states and their subjects shall enjoy absolute liberty and equality of navigation, transport, communication, industry, and science in and on the sea".

Secara tradisional konsep sebarang negara yang menentukan takat laut, wilayah selepas tiga batu telah pun diterima dari segi perundangan antarabangsa. Sebarang tuntutan terhadap kedaulatan dan hak-hak yang melebihi takat ini seringkali merupakan di antara isu-isu politik antarabangsa yang paling kontraversal. Tuntutan kita bagi suatu zon ekonomi eksklusif selepas 200 batu melampaui garisan-garisan asas yang diukur sebelum keputusan dunia dicapai pasti akan mengganggu golongan-golongan tertentu dibidang politik antarabangsa.

Kita mungkin akan dituduh mengamalkan sikap ataupun style regionalism yang meletakkan kepentingan bersama negara kita di atas kepentingan masyarakat antarabangsa, dan menyumbangkan kepada kemusnahan ideal bawah lautan mesti bebas dan terbuka kepada kegunaan semua.

Jadi jelasnya, mengapa di dalam kes ini saya perlu menyokong alasan nationalism mestilah mengatasi internationalism. Ini akan memaksa internationalism yang disebutkan tadi itu dikaji semula lagi bagi menjamin masa depan yang lebih cerah bagi manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, konsep kebebasan lautan telah tetap merupakan satu ideal selama abad-abad yang lepas ini. Walau bagaimanapun ianya tidak pernah disedari di dalam realiti politik selama itu.

Malah dalam abad ke 16 pun doctrine ini telah menonjol keluar kerana kuasa-kuasa lautan atau maritime powers yang maha besar seperti Holland, England, Spain telah memerlukan kebebasan access yang lebih luas bagi kapal-kapal perang serta kapal-kapal saudagar mereka.

Peguam terkenal atas isu ini yang tersebut di atas Hugo Greiters sendirinya dikaji oleh satu agen penjajahan yang amat besar iaitu East India Company.

Pada hari ini juga negara-negara berpantai (coastal states) sedang mengalami tekanan daripada golongan-golongan tertentu termasuk syarikat minyak trans-national supaya jangan meminda persempadan perairan masing-masing demi kepentingan golongan-golongan tersebut, ideal doctrine lautan terbuka malangnya telah merosot kepada suatu senjata di tangan international power brokers. Meletakkan 3 batu yang kini diterima sebagai lebar perairan laut wilayah sebarang negara telah bermula dari satu "cannon shot rule" pada abad yang ke-16 yang telah ditentukan sebagai jarak jauh yang dicapai oleh peluru cannon yang ditembak dari garisan pantai. Jelaslah bahawa keadilan antarabangsa dalam kes undang-undang lautan telah bermula sebagai satu langkah kuasa tentera.

Dan sebaliknya setelah perang dunia kedua dengan kemunculan negara-negara yang baru merdeka, konsep kedaulatan lautan menjadi semakin penting. Negara-negara ketika itu negara-negara yang baru merdeka khususnya negara-negara

berpantai (coastal states) telah melihat keperluan bersikap lebih berdikari dari segi ekonomi.

Sumber-sumber galian dan minyak yang kaya serta kawasan perikanan telah menjadi nadi ekonomi (the blood-line of their economy) dan Malaysia merupakan salah satu daripada negara-negara itu.

Perigi minyak ke laut yang pertama di Asia Tenggara telah digerudi di continental shelf Sarawak pada tahun 1958 dan semenjak ini minyak serta industri-industri berkaitan telah menjadi asas kepada ekonomi Malaysia. Jika hak-hak kita kepada sumber-sumber yang kaya ini dinafikan ekonomi negara kita mengalami masalah. Adakah kita mampu bergantung kepada kedermawanan, keadilan masyarakat antarabangsa ataupun masyarakat dunia untuk menyokong kita. Jawapan itu memanglah tidak. Yang jelasnya adalah bahawa selepas perang dunia kedua ketegangan berhubung dengan undang-undang lautan telah sentiasa ke atas negara-negara yang baru merdeka yang berpantai. Selama itu lebarnya perairan laut wilayah telah diperkembangkan secara unilateral declaration kepada setakat 12 batu oleh setengah-setengah negara tertentu termasuk Malaysia, Bulgaria, Columbia, Ethiopia, Guatemala, Indonesia, Saudi Arabia, the United Arabs Republic, Venezuela, El-Salvador dan kebanyakan negara di Asia Tenggara.

Dan seperti Yang Berhormat Menteri yang berkaitan sebutkan tadi apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini pada 18hb Ogos, 1952 di dalam satu Declaration of Maritime Zone, Chile, Ecuador dan Peru telah mengeluarkan titah kedaulatan eksklusif dan hak-hak pantai masing-masing kepada jarak minima 200 batu.

Pada masa ini Amerika syarikat telah membantah dengan merujuk kepada Undang-undang Laut Antarabangsa. Akan tetapi pada 28hb September, 1945 Presiden Truman daripada Amerika Syarikat telah mengeluarkan pengisytiharan iaitu Presidential Declaration No. 2667 yang secara unilateral yang mengisytiharkan bahawa Amerika syarikat menganggap sub-soil serta dasar lautan, pelantar benua yang berhampiran dengannya sebagai "appertaining to the United States subject to its jurisdiction and control" dan kawasan itu sejauh beratus-ratus batu. Bilangan pengisytiharan-pengisytiharan unilateral yang berikutan telah mendedahkan betapa rapuhnya konsep race community iaitu konsep bahawa lautan adalah harta bersama masyarakat dunia. Indonesia dan Philippines telah memutuskan untuk menentukan garisan-garisan mereka yang meliputi semua pulau-pulau di dalam gugusan kepulauannya. Ini menjadikan lautan di antara pu au-pulau menjadi internal waters.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa convention, peraturan undang-undang antarabangsa atau Conference of the Law of Sea, dengan izin, serta agensi-agensi bangsa-bangsa bersatu telah menyumbangkan garis-garis panduan dan syarat-syarat rujukan yang paling penting bagi perbincangan seterusnya mengenai hak-hak dan kedaulatan pelantar benua. Beberapa kes telah dirujuk kepada

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang